


Jilid I
Bil. 34



Hari Isnin
31hb Mac, 1975

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

PEMASYHURAN YANG DI-PERTUA:

Mengangkat Sumpah [Ruangan 3549]

Cuti Y.B. Tuan Mohd. Khir Johari—Kebenaran [Ruangan 3549]

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 3549]

Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 3550]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 3552]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 3603]

USUL-USUL:

PERNAS—Pinjaman dijadikan Pelaburan Kerajaan [Ruangan 3606]

Akta Kastam, 1967.—

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 19), 1974 [Ruangan 3621]

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 9), 1974 [Ruangan 3623]

Perintah Duti Kastam (Pindaan), 1975 [Ruangan 3624]

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan), 1975 [Ruangan 3625]

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2), 1975 [Ruangan 3626]

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 2), 1975 [Ruangan 3627]

Akta Cukai Perkhidmatan, 1975—

Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai), 1975 [Ruangan 3622]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Isnin, 31hb Mac, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).

- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI (Kuala Langat).
- „ Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).

- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD, J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA (Larut).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ TUAN (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP (Padang Rengas).

- Yang Berhormat TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON (Padang Serai).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).

- Yang Berhormat DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Selayang).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN MADINA BIN UNGGUT (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, K.M.N., D.M.P.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Ulu Trengganu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG (Tawau).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Limbang-Lawas).
- „ TENGKU RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN (Sepang).

Yang Berhormat TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Parit Buntar).

- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Sri Gading).

- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG (Labuk Sugut).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang, DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Dilantik).

- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID, A.S.D.K., A.M.N. (Dilantik).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

PEMASYHURAN YANG DI-PERTUA

MENGANGKAT SUMPAH

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu mengikut Peraturan Mesyuarat 5 (3), Yang Berhormat Ahli-ahli yang berikut telah mengangkat sumpah di hadapan saya pada 15hb Januari, 1975:

1. Y.B. Tuan Mohamed Khir Johari;
2. Y.B. Tuan James Stephen Tibok;
3. Y.B. Tuan Mohd. Zahari;
4. Y.B. Tuan Stephen Robert Evans; dan
5. Y.B. Tuan Loh Fook Yen.

CUTI Y.B. TUAN MOHD. KHIR JOHARI—KEBENARAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti di bawah Perkara 52 dalam Perlembagaan kepada Yang Berhormat Tuan Mohd. Khir Johari selama setahun mulai daripada 1hb Februari, 1975.

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujui Akta-akta yang diluluskan oleh Dewan Parlimen dalam mesyuarat yang lalu.

Akta-akta tersebut adalah seperti berikut:

1. Akta Perbekalan, 1975;
2. Akta Perbekalan Tambahan (1974), 1975;
3. Akta Acara Kewangan dan Kumpulan-wang Pembangunan (Pindaan), 1975;

4. Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan), 1975;
5. Akta Cukai Perkhidmatan, 1975;
6. Akta Lalulintas Jalan (Pindaan), 1975;
7. Akta Cukai Perjudian (Pindaan), 1975;
8. Akta Cukai Pendapatan (Pindaan), 1975;
9. Akta Cukai Spekulasi Tanah (Pindaan), 1975;
10. Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Peruntukan-peruntukan Khas), 1975;
11. Akta Bank Pembangunan Islam, 1975;
12. Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit, 1975;
13. Akta Mahkamah Keadilan (Pindaan), 1975;
14. Akta Pencen Balu dan Anak Yatim (Sarawak) (Pindaan), 1975;
15. Akta Pembahagian (Pindaan), 1975;
16. Akta Penerbangan Awam (Pindaan), 1975;
17. Akta (Saraan) Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat (Pindaan), 1975;
18. Akta Pemegang Amanah (Pindaan), 1975;
19. Akta (Saraan, Pencen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen, 1975;
20. Akta Kawalan Harga (Pindaan), 1975;
21. Akta Kawalan Bekalan (Pindaan), 1975;
22. Akta Peruntukan Diraja (Pindaan), 1975; dan
23. Akta Perbandaran dan Lembaga Bandaran (Pindaan), 1975.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diserahkan kepadanya oleh Dewan Rakyat.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

“Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah mempersetujui Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perbekalan, 1975;
2. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1974);
3. Rang Undang-undang Acara Kewangan dan Kumpulanwang Pembangunan (Pindaan) (No. 2);
4. Rang Undang-undang Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Peruntukan-peruntukan Khas);
5. Rang Undang-undang Pembahagian (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Mahkamah Keadilan (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Pencen Balu dan Anak Yatim (Sarawak) (Pindaan) (No. 2);
8. Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan);
9. Rang Undang-undang Bank Pembangunan Islam;
10. Rang Undang-undang Penerbangan Awam (Pindaan);
11. Rang Undang-undang (Saraan) Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat (Pindaan);
12. Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) (No. 4);
13. Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan;
14. Rang Undang-undang Lalulintas Jalan (Pindaan);
15. Rang Undang-undang Cukai Spekulasi Tanah (Pindaan);
16. Rang Undang-undang Cukai Perjudian (Pindaan);
17. Rang Undang-undang Pemegang Amanah (Pindaan);
18. Rang Undang-undang (Saraan, Pencen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen;
19. Rang Undang-undang Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit;
20. Rang Undang-undang Kawalan Harga (Pindaan) (No. 2);

21. Rang Undang-undang Kawalan Bekalan (Pindaan);
22. Rang Undang-undang Peruntukan Diraja (Pindaan); dan
23. Rang Undang-undang Perbandaran dan Lembaga Bandaran (Pindaan).

Tandatangan:

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA.”

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

INFLASI DAN KEMEROSOTAN EKONOMI

1. Tuan Ting Ling Kiew minta Perdana Menteri menerangkan rancangan-rancangan untuk melawan stagflasi yang bertambah-tambah di Malaysia sebagaimana yang terdapat dalam Buku Hijau yang baru saja diperkenal dan diumumkan oleh beliau.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, rancangan-rancangan untuk mengatasi masalah inflasi dan kemerosotan ekonomi sebagaimana yang dicadangkan dalam Buku Hijau ialah bercucuk-tanam sayur-sayuran dan lain-lain tanaman yang boleh dimakan untuk keperluan keluarga, berternak ayam-itek, dan berternak ikan air tawar. Kesimpulannya rancangan-rancangan ini ialah bertujuan supaya tiap-tiap keluarga dapat mengeluarkan barang-barang makanan yang cukup untuk keperluan mereka sendiri.

Yang kedua, rakyat digalakkan mengeluarkan barang-barang makanan dengan seberapa banyak yang boleh supaya Malaysia bukan sahaja dapat mengeluarkan barang-barang makanan cukup untuk keperluan bahkan Malaysia patut menjadi negara yang mengekspot barang-barang makanan, bukan negara yang mengimpot.

Tuan Yang di-Pertua: Saya suka mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam masa pertanyaan-pertanyaan bagi jawab mulut kita uruskan dalam Bahasa Kebangsaan, tak boleh gunakan bahasa Inggeris, melainkan wajib minta izin Tuan Yang di-Pertua kalau hendak menggunakan bahasa Inggeris.

LAWATAN P.M. KE TIMUR TENGAH

2. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan satu persatunya kesan-kesan politik, ekonomi, teknikal, saintifik dan kebudayaan yang dicapai bersabit dengan lawatan beliau ke negara-negara Timur Tengah baru-baru ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, lawatan saya ke negara-negara Timur Tengah baru-baru ini telah mencapai hasil yang memuaskan iaitu kita telah dapat menguatkan perhubungan persahabatan dengan negara-negara Telok Arab di dalam bidang kerjasama politik, ekonomi, saintifik, teknikal dan kebudayaan.

Dari segi politik kita berjaya menguatkan perpaduan dengan negara-negara Arab apabila kita mengutuk pendirian Kerajaan Israel yang menduduki tanah negara-negara Arab dan seruan kita supaya Israel bersikap adil dalam menyelesaikan pertikaian Timur Tengah dan mengembalikan hak mutlak rakyat Palestine.

Dalam bidang ekonomi, lawatan saya telah mencapai kejayaan yang cemerlang dan agak luarbiasa. Kerjasama ekonomi dan perdagangan dengan negara-negara tersebut telah dapat dipereratkan lagi. Arab Saudi, Kuwait dan Emirate Arab Bersatu bersetuju memberi bantuan kewangan kepada Malaysia untuk membiayai projek-projek pembangunan sektor awam. Negara-negara tersebut telah menyatakan hasrat untuk mengadakan berbagai-bagai pelaburan secara "joint-venture" terutama dalam projek perkilangan kayu-kayan, simen, kertas dan palpa.

Qatar, Oman dan Bahrain pula menawarkan peluang-peluang perdagangan dengan Malaysia dan mereka berminat untuk mengimpot lebih banyak simen, getah, kayu, makanan dan barang-barang dalam tin dari Malaysia.

Hasil dari lawatan saya itu, dalam bulan Mac ini, dua rombongan dari Tabung Kuwait untuk Pembangunan Ekonomi Arab (KFAED) berada di Kuala Lumpur untuk berunding berkenaan dengan projek-projek tertentu dan satu rombongan Malaysia akan melawat Riyadh untuk merundingkan bantuan pinjaman kewangan dengan Kerajaan Arab Saudi. Kita telah juga menandatangani Perjanjian Kerjasama Ekonomi dan Teknikal dengan Arab Saudi, Kuwait, Emirate Arab Bersatu dan Qatar.

Dari segi kebudayaan dan saintifik, kita telah juga menandatangani Perjanjian Saintifik dan Kebudayaan dengan Kuwait, Bahrain, Oman, Qatar dan Emirate Arab Bersatu. Dengan itu kita dapatlah bertukar-tukar ahli-ahli sains, professor, penuntut-penuntut, penerbitan-penerbitan serta kumpulan-kumpulan sukan, wartawan dengan negara-negara tersebut.

Pendek kata, dalam semua aspek, lawatan saya baru-baru ini adalah sangat berjaya dan memuaskan.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah dalam lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke negara-negara Timur Tengah beliau mendapat jaminan daripada negara-negara yang mengeluarkan dan membekalkan minyak kepada negara kita bahawa negara-negara Timur Tengah tentu akan membekalkan minyak yang cukup untuk keperluan Malaysia supaya Malaysia tidak akan mengalami kekurangan apa-apa jenis minyak?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, akuan ini telahpun diberi sebelum saya pergi ke sana.

PROJEK PEMBANGUNAN— BANTUAN NEGARA-NEGARA ARAB

3. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan nama negara-negara Arab yang telah berjanji hendak memberi bantuan kewangan untuk projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan nyatakan jumlah wang yang dijanjikan oleh tiap-tiap negara berkenaan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Arab Saudi dan juga negara Kuwait telah bersetuju memberi bantuan wang kepada beberapa projek-projek pembangunan yang kita akan laksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Kerajaan Arab Saudi telah bersetuju memberi wang pinjaman sebanyak \$200 juta untuk membiayai dua projek rancangan tanah yang akan diselenggarakan oleh FELDA, dua projek pelajaran, iaitu Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan dan Instituti Teknologi Kebangsaan dan akhirnya pembinaan peringkat pertama Pelabuhan Kuantan.

Kerajaan Kuwait juga menerusi Kuwait Fund for Economic Development telah juga bersetuju memberi bantuan wang terhadap dua projek, iaitu satu projek rancangan tanah dan satu lagi projek kuasa letrik iaitu rancangan "multi-purpose" electric di Sungai Trengganu. Anggaran bantuan yang akan diberi terhadap kedua-dua projek ini ialah lebih kurang \$100 juta.

Di samping itu, Emirate Arab Bersatu (Abu Dhabi) sedia memberi pinjaman lebih kurang \$100 juta juga untuk projek-projek sektor awam dan projek-projek usaha-ber-sama.

BUKU HIJAU—ATASI INFLASI DAN KEMEROSOTAN EKONOMI

4. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sejauh manakah Rancangan Buku Hijau akan memberi kesan-kesan ekonomi kepada penduduk-penduduk luar-bandar sekiranya dibandingkan Rancangan tersebut dengan rancangan-rancangan yang terkandung di dalam Rancangan Malaysia Kedua; dan
- (b) sejauh manakah Rancangan Buku Hijau akan membantu untuk mengurangkan kesan stagflasi.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya telah sebutkan sebentar tadi, Rancangan Buku Hijau ialah satu rancangan untuk mengatasi masalah inflasi dan kemerosotan ekonomi. Rakyat digalakkan bercucuk-tanam dan berternak cukup untuk kegunaan keluarga mereka itu sendiri. Kalau tiap-tiap keluarga dapat mengeluarkan barang-barang makanan cukup untuk keperluan mereka, ini akan mengurangkan tekanan inflasi terhadap mereka itu.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa satu masalah besar dalam kempen menjayakan Buku Hijau ialah kekurangan tanah. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu Dewan ini kemajuan dalam rancangan Kerajaan untuk mengkhaskan atau mengeneipkan 500,000 ekar untuk rancangan menanam tanaman makanan yang ada termaktub dalam program Kerajaan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya terangkan tadi tujuan yang pertama rancangan Buku Hijau ini ialah hendak menggalakkan rakyat bercucuk-tanam barang-barang makanan sayur-sayuran keperluan mereka itu dan ini boleh dibuat di tepi-tepi rumah mereka itu sendiri, tanah-tanah yang ada dalam pasu-pasu dan di tepi halaman rumah mereka itu. Kalau ada daripada mereka itu suka hendak menjalankan perusahaan bercucuk tanam dengan secara besar-besaran (commercial farming), masalah tanah bolehlah dirundingkan dengan Kerajaan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana Kerajaan ada membuat satu pengumuman yang sangat terang bahawa dalam kempen permulaan Rancangan Buku Hijau bahawa 500 ribu ekar akan dikhaskan. Adakah Kerajaan telah mengubah sikap mengenai program ini iaitu tidak akan mengikut atau memenuhi tujuan itu untuk mengeneipkan 500 ribu ekar tanah untuk program ini?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu tanah mana yang disebutkan 500 ribu ekar ini. Yang saya tahu Kerajaan akan menambahkan kawasan tanah untuk bertanam padi di negeri Perak, di negeri Trengganu, di negeri Pahang dan juga di Sabah dan di Sarawak. Akan tetapi untuk melaksanakan Rancangan Buku Hijau seperti yang saya telah terangkan tadi, pada mulanya Kerajaan berkehendakkan tiap-tiap orang bertanam di tepi rumah masing-masing di kawasan-kawasan tanah yang mereka itu punyai pada masa ini.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua. Walaupun rakyat telah digalakkan bercucuk-tanam di rumah-rumah masing-masing, tetapi adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar ladang-ladang besar pun ada tanah lapang, dan jika beliau sedar, apa tindakan Kerajaan akan ambil supaya ladang-ladang besar boleh digunakan untuk bercucuk tanam?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ladang-ladang besar pun telah diberitahu supaya bekerjasama atas hal ini dan pekerja-pekerja di dalam ladang besar pun patutlah digalakkan bertanam barang-barang makanan seperti rakyat yang lain di Malaysia ini.

TANGGAGAJI KAKITANGAN PARLIMEN

5. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Perdana Menteri menyatakan kemajuan yang telah dicapai oleh Suruhanjaya Gaji terhadap tanggagaji Kakitangan Parlimen.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Akta Perkhidmatan Parlimen, 1963, semua kakitangan Dewan-dewan Parlimen adalah di bawah perkhidmatan yang asing yang dinamakan Perkhidmatan Parlimen.

Menurut Seksyen 6 Akta itu adalah diperuntukkan bahawa gaji-gaji dan tangga-tangga gaji hendaklah mengikut apa yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Penasihat dan diluluskan oleh Yang di-Pertuan Agong.

Jawatankuasa Penasihat Perkhidmatan Parlimen adalah dalam proses mengkaji tangga-tangga gaji kakitangan Parlimen sekarang ini.

KEMISKINAN MELAYU DI BALING

6. Tuan Haji Shafie bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan sedar tentang adanya keadaan kelemahan ekonomi orang-orang Melayu di Daerah Baling khususnya dan jika sedar apakah langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan untuk meninggikan taraf hidup mereka.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar tentang ujudnya kemiskinan tetapi tidaklah ada sebab tertentu mengapa kita perlu memikirkan kemiskinan di Baling sahaja sungguhpun ini ialah kawasan pilihanraya Ahli Yang Berhormat. Kemiskinan boleh didapati di kawasan-kawasan lain dan Negeri-negeri lain di negara ini umpamanya dikalangan nelayan-nelayan Pantai Timur.

Rancangan-rancangan pembangunan kita sekarang adalah ditujukan kepada golongan-golongan miskin seperti pekebun-pekebun getah, penanam padi, nelayan dan lain-lain menerusi langkah-langkah seperti menanam semula getah, rancangan parit dan taliair dan beberapa jenis subsidi-subsidi. Untuk memastikan bahawa langkah-langkah yang diambil itu berkesan dalam ertikata memben-teraskan masalah kemiskinan, Kerajaan se-

tiap masa mengkaji keperluan-keperluan golongan miskin supaya usaha kita menjadi lebih berkesan dalam Rancangan Malaysia Ketiga kelak dan selanjutnya.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar oleh sebab penduduk-penduduk di Baling tidak puas hati tentang tindakan yang Kerajaan telah mengambil untuk mengatasi masaalah kemiskinan di Baling, maka timbullah tunjuk perasaan di Baling sendiri dan oleh sebab itu juga mahasiswa-mahasiswi di Kuala Lumpur pun telah mengadakan tunjuk perasaan. Adakah Kerajaan mempunyai rancangan khas bukan sahaja untuk menghapuskan kemiskinan di Baling, tetapi meninggikan taraf hidup rakyat di Baling.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan tadi dasar Kerajaan sebahagian besarnya ialah bertujuan untuk membasmi kemiskinan di seluruh negara kita, termasuklah di kawasan Baling. Perasaan tidak puas hati itu memanglah ada di kalangan rakyat yang miskin, kerana mereka itu kekurangan serba-serbi. Akan tetapi, demonstrasi yang berlaku di Baling itu adalah disebabkan oleh hasutan dari pihak luar.

Tuan Haji Shafie bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, rakyat Baling memang berpuas hati terhadap rancangan-rancangan Kerajaan yang dijalankan oleh Kerajaan Barisan Nasional selama ini. Apa yang dibangkitkan di Baling itu ialah kekurangan rancangan-rancangan untuk masa depan yang akan dibuat oleh Kerajaan, sebab itulah persoalan saya ini dibangkitkan pada hari ini. Tetapi saya tegaskan sekali lagi ialah rakyat di Baling sebenarnya berpuas hati terhadap rancangan-rancangan yang Kerajaan buat dan telah Kerajaan buat; yang tidak puas hati ialah anasir-anasir yang cuba hendak menjahanamkan Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat hendak membuat ucapan atau bertanya soalan tambahan?

Tuan Haji Shafie bin Abdullah: Tidak. Saya beri penjelasan ini menolong Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak hendak berkehendakkan jawapan?

Tuan Haji Shafie bin Abdullah: Tidak, Tuan Yang di-Pertua.

PETRONAS DALAM INDUSTRI PETROLIAM

7. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan selepas lawatan beliau ke negara-negara Telok, samada PETRONAS mempunyai apa-apa rancangan untuk memainkan satu peranan yang lebih langsung dalam penyelidikan, pengeluaran, pengimpotan, penapisan, pemasaran dan pengeluaran minyak dan hasil-hasil minyak untuk memastikan bahawa bidang sensitif ini berada di tangan rakyat Malaysia dan ditadbirkan serentak dari segi aspirasi-aspirasi dan kepentingan-kepentingan nasional dan tidak menjadi alat perbadanan-perbadanan "multi-national", dan jika ya, sila beri butir-butirnya dan jika tidak mengapa.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, peranan PETRONAS dalam industri petroliaam telahpun ditetapkan sepertimana yang ditentukan dalam Akta Kemajuan Petroliaam, 1974 dan Peraturan-peraturan Petroliaam, 1974. Kerajaan sentiasa mengkaji peranan yang dapat dimainkan oleh PETRONAS dalam industri minyak di negara ini, dan di mana didapati perlu, akan mengambil langkah untuk meluaskan peranan PETRONAS dalam industri ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu Rang Undang-undang untuk meminda Akta Kemajuan Petroliaam, 1974 akan dibawa melalui semua peringkat dalam persidangan Parlimen kali ini.

Pemergian Pengerusi PETRONAS bersama dengan saya dalam lawatan ke Telok Arab ialah untuk berunding dengan negara-negara Arab yang mengeluarkan minyak dengan banyak dan dengan tujuan mendapat pengalaman berkenaan dengan pengelolaan industri yang mustahak ini.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa sangat perlu dan segera bahawa PETRONAS memainkan satu peranan yang lebih direct untuk mengawasi, menjaga kepentingan pengguna-pengguna dan negara kita, kerana keadaan sekarang di mana pihak swasta yang terdiri dari orang asing memonopoli

bidang minyak sangat bertentangan dengan kepentingan rakyat jelata. Contohnya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada berkata tadi bahawa sebelum lawatannya ke negara-negara Timur Tengah, negara-negara pengeluar minyak ada memberi jaminan bahawa negara Malaysia tentu akan dapat bekalan minyak yang cukup. Tetapi di negara kita sekarang ada timbul kekurangan diesel—bukan sahaja sekarang tetapi sudah dua minggu—seperti di Melaka hari ini hampir tidak ada diesel langsung, tetapi saya nasib baik dapat hadir mesyuarat hari ini. Itu semua menunjukkan bahawa PETRONAS tidak ada cukup kuasa atau tidak ada kuasa untuk menjaga kepentingan pengguna-pengguna. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat satu siasatan mengenai perkara ini?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya terangkan tadi, satu Rang Undang-undang bagi meminda Undang-undang Petroliaam ini akan dibawa dalam persidangan Parlimen ini untuk membolehkan PETRONAS mengambil bahagian dalam distribution petroliaam dan ini satu langkah yang membolehkan PERNAS mengambil bahagian yang lebih luas lagi dalam perusahaan PETRONAS. Berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat berkata yang ia nyaris-nyaris lagi tidak dapat datang ke mari kerana tidak dapat membeli minyak diesel, saya fikir ini bukan sebab apa-apa, barangkali orang yang menjual diesel itu tidak mahu menjual minyak kepada Ahli Yang Berhormat. (*Ketawa*).

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, itu bukan sahaja berlaku kepada saya, tetapi sudah berlaku dua minggu yang lalu, dan bukan sahaja di Melaka. Ini satu perkara yang sangat serious, menunjukkan bahawa ada kekurangan artificial sekiranya ada bekalan yang cukup, dan bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil satu sikap yang serious mengenai perkara ini?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya belum dengar lagi sungutan atas perkara ini. Kalau ada sungutan, Kerajaan akan siasat.

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjelaskan apa tindakan

atau langkah-langkah yang telah diambil oleh PETRONAS untuk melatih Malaysians di dalam petroleum industry, dan adakah PETRONAS mempunyai rancangan untuk menghantar pegawai-pegawai Malaysia ke mana-mana tempat yang perlu, seumpamanya ke Saudi Arabia atau Kuwait untuk berlatih di dalam petroleum industry?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, PETRONAS memang ada rancangan-rancangan bagi melatih pegawai-pegawai untuk berkhidmat di dalam PETRONAS dan lawatan saya ke Saudi Arabia, Kerajaan Saudi Arabia telah bersetuju hendak menerima beberapa orang belia-belia dari negara kita untuk menerima latihan di Petroleum College di Saudi Arabia.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan tadi PETRONAS akan mengambil bahagian di dalam distribution. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar orang yang menjual atau syarikat-syarikat yang menjual petroleum di tanahair kita telah mengadakan satu persatuan dan persatuan itupun didaftarkan, tetapi tidak diakui oleh syarikat-syarikat petroliaam seumpama ESSO, SHELL, BP, CALTEX dan MOBIL. Jika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar, apa tindakan Kerajaan akan mengambil untuk menyelesaikan masalah antara pihak yang menjual petroliaam dan pihak syarikat petroliaam yang besar seumpama ESSO dan sebagainya?

Tuan Yang di-Pertua: Nampaknya pertanyaan Ahli Yang Berhormat ini tidak bersangkutan dengan soalan asal; masalah hendak menyelesaikan pertikaian di antara distributor dengan agent.

SURUHANJAYA HAK ASASI KEMANUSIAAN PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU

8. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) samada Malaysia ada mencuba menjadi Anggota Suruhanjaya Hak Asasi Kemanusiaan, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (United Nations Commission on Human Rights);

- (b) samada Malaysia telah menghantar pemerhati-pemerhati ke Persidangan-persidangan Suruhanjaya ini dan jika tidak, mengapa.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Malaysia tidak mencuba hendak menjadi anggota Suruhanjaya Hak Asasi Kemanusiaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Walau bagaimanapun, kita sentiasa mengikuti semua kegiatan-kegiatan Suruhanjaya itu.
- (b) Kita tidak fikirkan perlu menghantar pemerhati ke mesyuarat-mesyuarat Suruhanjaya ini kerana kita berpuas hati bahawa perwakilan kita di New York merupakan saluran perhubungan yang berkesan bagi hubungan rapat dengan Suruhanjaya ini dan dari semasa ke semasa kita sentiasa menerima semua maklumat yang penuh.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar jika Kerajaan kita benar-benar mematuhi kepada hak asasi kemanusiaan, mengapa kita tidak ingin menjadi anggota Suruhanjaya Hak Asasi Kemanusiaan, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jawab tadi; kita fikir tidak perlu untuk kita hendak menjadi ahli. Kita tentulah tidak dapat hendak menjadi ahli semua sekali badan-badan di dunia ini.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bermakna Kerajaan kita tidak ingin mengakui Suruhanjaya Hak Asasi Kemanusiaan, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang mana ini ialah satu pertubuhan atau Suruhanjaya yang paling penting bukan untuk tanahair kita sahaja, tetapi untuk semua negara di dunia?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini meminta fikiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri—tidak boleh dibenarkan.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah berdasar kepada jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu bermakna Kerajaan kita tidak

ingin hendak mengakui Suruhanjaya Hak Asasi Kemanusiaan, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang mana ini ialah suatu Suruhanjaya yang paling penting untuk rakyat di tanahair kita?

Tuan Yang di-Pertua: Jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi kalau saya tidak silap faham, beliau telah mengatakan pendapat Kerajaan tidak perlu kita menjadi ahli. Itu jawapannya.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata tidak perlu, apa yang saya hendak bertanya ialah ini bermakna Kerajaan kita tidak ingin mengakui yang Suruhanjaya ini sangat penting kepada rakyat di tanahair kita.

Tuan Yang di-Pertua: Itu fikiran Ahli Yang Berhormat sahaja.

Dr Tan Chee Khoon: Bukan, saya hendak tahu fikiran Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak faham, barangkali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak menjawab. Silakan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan tadi, bukan kita kata badan ini tidak perlu, bahkan kita sentiasa mengikuti perjalanan badan ini dan kita sentiasa mendapat lapuran-laporan yang penuh dan lengkap, tetapi kita fikirkan oleh sebab tanggungjawab kita yang lain, kita tidak perlu menjadi anggota badan ini sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: (Kepada Dr Tan Chee Khoon) Sudah terang Ahli Yang Berhormat?

Dr Tan Chee Khoon: Saya hendak bertanya lagi kepada

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi soalan tambahan?

Dr Tan Chee Khoon: Soalan lain. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar pada masa sekarang barangkali 40 buah negara di seluruh dunia telah menjadi anggota Suruhanjaya Hak Asasi Kemanusiaan, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Jika beliau sedar, mengapakah kita tidak campurtangan dengan 40 buah negara itu?

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir kita tidak perlu merugikan masa Dewan ini. Sudah terang tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjawab.

HARGA BARANG-BARANG KEPERLUAN—BEKUKAN KENAIKAN

9. Tuan Ting Ling Kiew minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau akan menimbang membeku kenaikan harga ke atas semua barang-barang keperluan supaya pengguna-pengguna di Malaysia tidak terpaksa membayar beberapa kali kenaikan harga barang dalam setahun ke atas barang-barang seperti susu pekat, minyak masak, benzine campuran, gula, beras, dll.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, syor Ahli Yang Berhormat supaya Kerajaan membekukan kenaikan harga barang-barang keperluan seperti susu pekat, minyak masak, benzine campuran, gula, beras dan lain-lainnya tidak dapat dilaksanakan kerana harga barang-barang tersebut tertakluk kepada harga di pasaran dunia. Tambahan pula bahan-bahan mentah seperti "butterfat, skimmed milk powder", gula mentah terpaksa diimport dari luar negeri. Dengan yang demikian naik turunnnya harga barang-barang yang berkenaan bergantung kepada turun naiknya harga bahan-bahan di pasaran antarabangsa dan tidak dapat dikawal oleh Kerajaan.

Bagaimanapun, barang-barang keperluan adalah tertakluk kepada kawalan harga yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan pada masa ini.

CUKAI IMPOT—HAPUSKAN

10. Tuan Ting Ling Kiew minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau akan menimbang menghapuskan cukai impot ke atas barang-barang yang tertentu yang dibawa masuk ke Sarawak dari Sabah dan Semenanjung Malaysia yang mana barang-barang ini pada mulanya dibawa masuk ke Malaysia dan telahpun dikenakan cukai impot, untuk mengelakkan daripada pembayaran cukai impot dua kali oleh pengguna-pengguna di Sarawak yang terpaksa membayar harga inflasi ke atasnya.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya telah beri jawapan yang agak panjang-lebar mengenai satu soalan yang sama yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kinabatangan pada mesyuarat Dewan Rakyat dalam bulan November tahun lalu. Dalam jawapan itu saya telah menyatakan, di antara lain-lain, bahawa barang-barang impot boleh dibawa masuk daripada Semenanjung Malaysia ke Sabah atau Sarawak atau sebaliknya dengan tiada dikenakan lagi apa-apa cukai tetapi peraturan-peraturan Kastam yang telah ditetapkan mestilah dipatuhi. Satu daripada peraturan-peraturan ini ialah barang-barang itu misalnya daripada Semenanjung Malaysia hendaklah dibawa terus ke pelabuhan di Sabah atau Sarawak. Ahli Yang Berhormat akan memahami bahawa peraturan ini adalah perlu untuk menentukan bahawa barang-barang yang dibawa dari kawasan di mana cukai-cukai telah dibayar sahaja diberi kemudahan pengecualian cukai ini. Soal mengenai pengecualian cukai ke atas barang-barang ini tidaklah timbul kerana dasarnya adalah jelas.

Adalah tujuan Kerajaan untuk memudahkan sistem pengutipan cukai bagi barang-barang ini tetapi kemudahan tersebut adalah bergantung kepada kemajuan penyatuan tarif di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak yang pada masa ini sedang dibuat secara beransur-ansur. Jika sekiranya dalam masa peralihan ini, barang-barang tertentu didapati dikenakan cukai dua kali, Perbendaharaan bersedia untuk menimbangkan kes-kes ini berdasarkan "merit" dengan bertujuan untuk membetulkan kedudukannya.

PEDAGANG-PEDAGANG TUKAR BARANG (BARTER TRADERS)

11. Tuan Patrick Anek Uren minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) (i) samada beliau sedar bahawa pedagang-pedagang bertukar barang Indonesia datang ke kawasan-kawasan selain dari kawasan-kawasan yang ditandakan sebagai pos-pos sempadan di mana ada kemudahan-kemudahan Imigresen dan Kastam; dan
- (ii) samada beliau sedar bahawa setengah-setengah dari pedagang-pedagang ini tinggal terlebih lama dari hadnya di sempadan sebelah

Sarawak dan mula membuka "Temuda" untuk bertanam padi dan

- (b) jika ya, bolehkah Menteri memerintahkan Polis untuk menolong Pegawai-pegawai Imigresen dan Kastam mem-berhentikan amalan-amalan ini.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini sedar bahawa memang ada pedagang-pedagang tukar barang (Barter Traders) dari Indonesia masuk tanpa izin ke Sarawak dengan tidak melalui pos-pos Imigresen yang digezetkan. Tetapi mereka ini yang kita tahu, masuk ke kawasan-kawasan yang sukar ditempuh. Ahli Yang Berhormat sendiri maklum betapa sukarnya mengawasi sempadan hutan belantara yang panjangnya lebih daripada 1,000 batu dengan hanya 7 pos-pos sahaja pada masa sekarang untuk kawalan sempadan. Dan juga mereka boleh masuk melalui muara sungai, terutama di dalam Division Pertama, di daerah Serian. Memanglah pihak Polis dan Kastam selama ini telah memberi kerjasama yang rapat dengan Jabatan Imigresen untuk mengesan pemasuk-pemasuk haram ini. Untuk makluman Yang Berhormat pada tahun 1973 seramai 196 orang didakwa, tahun 1974 seramai 218 orang didakwa dan pada tahun ini, setakat ini, sudah 30 orang didakwa.

Berhubung dengan dakwaan bahawa pemasuk-pemasuk haram ini telah membuka "Temuda" untuk bertanam padi, setakat ini tidak ada terdapat perkara ini dilaporkan kepada Jabatan Imigresen atau Kerajaan Negeri bahkan soal ini sudahpun ditanya di Council Negeri baru-baru ini.

SENAPANG-SENAPANG PATAH

12. Datuk Stephen Yong Kuet Tze minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada senapang-senapang patah yang telah diambil oleh Kerajaan semasa Dharurat di Sarawak sekarang ini boleh dikembalikan kepada tuanpunya-tuanpunyanya. Jika tidak, nyatakan samada gantirugi akan dibayar kepada mereka.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, tidaklah boleh dianggap keadaan di Sarawak itu telah pulih 100% kerana masih ada lagi (bilangan itu

tidak dapat ditentukan) lebih kurang 100 orang gerombolan-gerombolan pengganas-pengganas Kominis yang masih giat bergerak di beberapa kawasan di Sarawak. Semua senjata yang ditarik balik dalam "Gerakan Parrot" semasa konfrantasi tidak akan dikembalikan buat sementara waktu kerana mereka itu berada di dalam Kawasan Keselamatan (Security Areas).

Senjata yang ditarik balik atau diserahkan kepada pihak berkuasa di Bahagian 4 dan 5 semasa rusuhan di Brunei dahulu dan juga senjata yang ditarik balik di Bahagian 1, 2, 3, 6 dan 7 semasa gerakan keselamatan biasa, mungkin dipulangkan balik. Pemilik-pemilik senjata-senjata ini, mereka itu waktu hendak dipulangkan itu bergantung kepada keperluan dan kelayakan seseorang itu untuk memiliki senjata.

Soal gantirugi tidak timbul di sini, Tuan Yang di-Pertua, kerana penyimpanan senjata adalah berdasarkan kepada keadaan keselamatan pada sesuatu ketika dan tempat. Pertimbangan akan diberi untuk memulangkan balik senjata itu apabila keadaan keselamatan telah pulih semula secara beransur-ansur di satu tempat ke tempat yang lain.

SETIAUSAHA AGONG PERSATUAN MAHASISWA UNIVERSITI SINGAPURA

13. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) samada Setiausaha Agung Persatuan Mahasiswa Universiti Singapura, Juliet Chin Yuet Cheng, telah ditahan dan dikurung seorang diri di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri sejak 11hb Disember, 1974;
- (b) sebab-sebab penahanan Juliet Chin Yuet Cheng; dan
- (c) samada beliau akan menimbang untuk mengadakan pembicaraan terbuka untuk Juliet Chin di atas dakwaan-dakwaannya Kerajaan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang faham dengan soalan 13 (a) "telah ditahan dan dikurung seorang diri". Bolehkah saya minta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, under solitary confinement atau tahanan sendiri.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, kalau soal "solitary confinement" itu tidak, dan kita nafikan.

(b) Juliet Chin ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana tindakannya mengancam Keselamatan Negara.

(c) Soal menimbang tidak timbul kerana Juliet Chin ditahan di bawah Akta Dalam Negeri.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini butir-butir yang membuktikan bahawa Juliet Chin mengancam keselamatan negara ini?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, tidak perlu saya memberi butir-butir itu di dalam Dewan ini.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri jelaskan atau tidak benar di dalam surat yang diberi kepada saudari Juliet Chin: katanya, "allegation of facts ada tiga, dan tiga allegation of facts itu ialah taligram yang dihantar oleh saudari Juliet Chin ke Australia, England." Kalau allegation of facts di dalam surat tahanan itu benar, bagaimanakah penghantaran taligram dari Singapura ke Australia dan ke England boleh mengancam keselamatan negeri kita?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan itu soalan baharu dan tidak timbul daripada soalan asal, atau daripada jawapan atau daripada pertanyaan tambahan.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, di dalam pertanyaan 13 (b) bertanya sebab-sebab penahanan Juliet Chin yang mana Menteri berkenaan tidak menjawab atau memberi sebab-sebabnya. Apa yang saya hendak bertanya, adakah benar di dalam surat tahanan yang diberi oleh Kerajaan kepada saudari Juliet Chin ada tiga allegation of facts termasuk taligram yang dihantar oleh Juliet Chin ke Australia dan ke England. Kalau benar, bagaimanakah penghantaran taligram boleh mengancam keselamatan negeri kita?

Tuan Yang di-Pertua: Mengikut Peraturan Mesyuarat 23 (4) menyatakan Yang Berhormat Menteri—mana-mana Menteri—tidak wajib menjawab sekiranya jawapan-jawapan itu akan menyentuh public interest dengan persetujuan Tuan Yang di-Pertua, dan Tuan Yang di-Pertua bersetuju Menteri tidak payah menjawab.

HOSPITAL DAERAH JASIN

14. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar bahawa Daerah Jasin yang mempunyai penduduk lebih daripada 80,000 orang memerlukan sebuah Hospital Daerah yang sempurna. Adakah Kementerian bercadang mendirikan sebuah Hospital Daerah di sini, jika ada, bila bangunan ini akan dibuat dan berapakah perbelanjaannya.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kementerian Kesihatan jangka panjang untuk mengadakan sebuah Hospital dalam tiap-tiap Daerah di Semenanjung Malaysia ini. Pada masa ini keutamaan yang tinggi adalah diberi kepada kawasan-kawasan yang terpencil seperti di negeri-negeri di Pantai Timur, yang mana kemudahan-kemudahan Hospital adalah sangat kurang jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang di pantai Barat.

Dengan peruntukan yang terhad tidak mungkin dapat diberi keutamaan yang lebih kepada setengah-setengah negeri selain dari apa yang dinyatakan, di atas. Oleh yang demikian, cadangan Hospital bagi Jasin hendaklah mengikut jadual keutamaan yang tersebut.

Pekan Jasin tidak berapa jauh daripada Bandar Melaka dan Alor Gajah, di mana ada perkhidmatan Hospital pada masa sekarang. Pada masa ini untuk mengatasi masalaah pesakit-pesakit, sebuah Ambulan baru telah ditempatkan di Pusat Kesihatan Besar dengan tujuan membawa pesakit-pesakit itu dengan segera ke Hospital dan juga jika perlu sebuah Ambulan tambahan akan ditempatkan di situ. Pusat Kesihatan Besar di Jasin memberi perkhidmatan perubatan kesihatan dan Pergigian kepada pesakit-pesakit luar.

NELAYAN PUKAT TUNDA/NELAYAN TEPI PANTAI—PERTIKAIAN

15. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan pendapat dan kemajuan setakat ini yang dicapai oleh pasukan petugas khas yang ditubuhkan untuk mencari satu solusi dan penyelesaian terhadap pertikaian di antara nelayan pukat tunda dan nelayan tepi pantai di Malaysia Barat.

Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Yang di-Pertua, tidak ada task force yang ditubuhkan oleh Kerajaan untuk menyiasat mengenai pertikaian di antara nelayan pukat tunda dengan nelayan di tepi pantai bagi Malaysia Barat. Task force yang ditubuhkan hanya mengkaji pertikaian tersebut di kawawasan Pulau Pinang dan Perak Utara sahaja, dan reportnya belum siap. Mungkin pada bulan hadapan.

LESEN TEKSI KEPADA PERSATUAN KERJASAMA SERBAGUNA MALAYSIA

16. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan jumlah lesen-lesen teksi yang dikeluarkan kepada Persatuan Kerjasama Serbaguna Malaysia (Malaysia Multi-purpose Co-operative Society) setakat ini dan apakah syarat-syarat atau larangan-larangan yang dikenakan pada setiap lesen.

Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, jumlah lesen-lesen teksi yang dikeluarkan kepada Persatuan Kerjasama Serbaguna Malaysia ataupun (Malaysia Multi-purpose Co-operative Society) setakat ini ialah 50 buah. Syarat-syarat ataupun larangan-larangan yang dikenakan pada setiap lesen adalah sama dengan syarat yang dikenakan kepada Syarikat-syarikat Teksi yang lain.

Tuan Oh Keng Seng: Adakah Yang Berhormat Menteri sedar, sungguhpun lesen-lesen teksi telah dikeluarkan kepada persatuan tetapi kereta-kereta yang dipunyai oleh persatuan ini tidak ada nama persatuan, dan adakah Kerajaan akan menyiasat atas kes ini?

Tuan Yang di-Pertua: Saya faham soalnya mengatakan kereta-kereta antara 50 buah ini ada setengahnya tidak didaftarkan atas nama Co-operative ini dan minta di-siasat. Ini, Yang Berhormat membuat satu kenyataan dan Yang Berhormat kena tanggung samada betul atau tidak atas kenyataan itu. Tanya sekali lagi supaya Yang Berhormat Menteri boleh dengar.

Tuan Oh Keng Seng: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan soalan tambahan, tetapi Yang Berhormat Menteri belum menjawab lagi.

Tuan Oh Keng Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya bertanya tadi, kerana kereta-kereta teksi itu tidak dipunyai oleh persatuan sungguhpun lesen-lesen teksi ada dinamakan atas nama persatuan, perkara ini tidak sesuai. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menyiasat atas kes ini?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu. Adakah Yang Berhormat maksudkan walaupun lesen ini sudah dikeluarkan oleh R.I.M.V. atas nama syarikat ini, tetapi bukan dijalankan oleh syarikat ini, melainkan di Ali-Baba kepada orang lain, atau apa maksud Yang Berhormat? Ianya tidak berapa jelas. Kalau Yang Berhormat boleh memberi soalan yang jelas, saya boleh menjawab. Dan adakah Yang Berhormat itu hanya tidak senang hati kerana teksi-teksi yang dipunyai oleh syarikat ini tidak bercap atas nama syarikat itu?

Tuan Oh Keng Seng: Apa yang saya katakan tadi ialah, sungguhpun Kerajaan sudah dikeluarkan teksi kepada persatuan, tetapi persatuan tidak menggunakan teksi-teksi itu untuk perniagaannya sendiri. Pendapatan dari teksi itu tidak masuk dalam kira-kira persatuan. Ini menyebabkan terdapat sedikit kesalahan bagi menggunakan syarat-syarat teksi itu.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada pengaduan yang saya terima mengenai perkara ini. Dengan sebab itu, kalau Yang Berhormat boleh beri bukti-bukti, kita boleh siasat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh memberi evidence (keterangan) atau bukti, sungguhpun teksi yang 50 buah itu didaftarkan dengan nama syarikat Malaysia Multi-purpose Co-operative Society, tetapi teksi itu tidak digunakan oleh syarikat ini dan digunakan masuk kepada syarikat tersebut. Jadi, Yang Berhormat Menteri minta supaya Yang Berhormat berhubung dan memberi kenyataan.

DATUK JAMES WONG/AHLI SNAP DITAHAN

17. Tuan Leo Moggie minta Menteri Hal Ehwal dalam Negeri menyatakan samada penahanan Datuk James Wong dan lima orang ahli-ahli Parti SNAP telah dibuat di bawah peruntukan Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, benar. Datuk James Wong bersama 4 orang ahli SNAP lain sedang ditahan di bawah Akta Keselamatan dalam Negeri, 1960.

Tuan Leo Moggie: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris

Tuan Yang di-Pertua: Boleh.

Tuan Leo Moggie: (*Dengan izin*) Supplementary question, Mr Speaker, Sir. Can the Honourable Minister then give details on the allegation that led to the detention especially of Yang Berhormat Datuk James Wong?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin tidak mengeluarkan butir-butir ini di dalam Dewan ini.

IMPOT KE ATAS KAIN-KAIN—LARANGAN

18. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) adakah beliau akan mengecualikan negeri Sarawak dari dikenakan kawalan dan sekatan mengenai impot kain-kain dan kemeja bagi meringankan beban yang dihadapi oleh pengguna-pengguna, terutamanya mereka dalam golongan

berpendapatan rendah yang sememangnya hidup dalam kesempitan menghadapi keadaan inflasi di seluruh dunia sekarang; dan

- (b) adakah beliau akan membatalkan duti impot dan cukai tokok ke atas barang-barang mustahak bagi meringankan kesulitan pengguna-pengguna.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya suka menerangkan di sini bahawa larangan impot ke atas kain-kain di bawah Perintah Kastam (Larangan Mengenai Impot) (Langkah Perlindungan Sementara) (Pindaan), 1975 berkuatkuasa pada 9hb Januari 1975 hanya dikenakan di Semenanjung Malaysia sahaja. Oleh yang demikian soalan mengenai pengecualian daripada kawalan impot ke atas kain di Sarawak tidaklah berbangkit.

- (b) Kerajaan telah mengecualikan duti impot dan cukai tokok ke atas beberapa barang keperluan semenjak 9hb November, 1973 sebagai sebahagian daripada langkah-langkah Belanjawan tahun 1974 untuk mengurangkan kesusahan kepada pengguna-pengguna terutama sekali pengguna-pengguna dalam kumpulan pendapatan rendah dalam jangkamasa inflasi dunia ini. Barang-barang keperluan ini telahpun diumumkan dari semasa ke semasa dahulu dan oleh itu tidaklah perlu diulangi lagi. Dalam tahun 1974 jumlah hasil yang terkorban berikutan dengan pengecualian duti impot dan cukai tokok ke atas barang-barang ini ialah \$15.2 juta.

Selain daripada pengecualian duti impot dan cukai tokok yang saya sebutkan tadi Kerajaan telahpun memberi pengecualian daripada duti eksais ke atas gula dan susu termasuk susu tepung dan ini mengakibatkan kehilangan hasil sebanyak \$68.0 juta bagi tahun 1974.

Saya suka menambah sedikit bahawa Kerajaan telah mengambil langkah-langkah lain untuk menentukan supaya kesan inflasi dapat dikurangkan. Dalam tahun 1974 jumlah subsidi yang telah diberi oleh Kerajaan samada secara langsung atau tidak langsung ialah sebanyak \$928 juta. Jumlah ini merupakan sebanyak 20% daripada

jumlah hasil cukai Kerajaan Persekutuan. Jumlah hasil terkorban yang begitu besar menunjukkan bahawa Kerajaan telah mengambil langkah yang tegas lagi dan positif tidak berapa lama dahulu untuk meringankan kesulitan yang ada sekarang.

MENARIK BALIK SOALAN No. 19

19. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong: Yang di-Pertua, saya menarik balik soalan No. 19 ini, kerana saya telah menerima jawapannya dari Menteri Pelajaran.

PINJAMAN DARI NEGARA-NEGARA ARAB

20. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan samada benar bahawa Kerajaan telahpun mendapat pinjaman lebih kurang \$400 juta dari Negara-negara Arab, jika benar samada Kerajaan bersetuju untuk membiayai projek-projek pembangunan ekonomi bumiputra di kawasan luarbandar dari pinjaman tersebut.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat maklum selepas lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke negeri-negeri Telok Parsi baru-baru ini adalah diumumkan yang negara-negara ini menunjukkan keinginan mereka untuk membantu pembangunan ekonomi Malaysia. Untuk tujuan ini beberapa Negara Arab yang berkenaan telah menunjukkan yang mereka akan memberi pinjaman untuk membantu Malaysia ke atas projek-projek pembangunan ekonomi yang tertentu berjumlah lebih kurang \$400 juta semuanya. Projek-projek yang akan dibiayai oleh sebahagian dari tabung pinjaman ini adalah untuk projek-projek yang tertentu dan termasuk contoh-contoh seperti berikut:

- (i) Rancangan pembangunan tanah di Palong, Negri Sembilan;
- (ii) Projek pembangunan tanah di Tenggara, Ulu Kelantan;
- (iii) Pembentukan Fakulti Perubatan dan Fakulti Islam di Universiti Kebangsaan;
- (iv) Pembentukan Institiut Teknologi Kebangsaan.

Bagaimanapun rundingan lanjut akan diadakan dengan tiap-tiap Negara Arab yang berkenaan atas perincian projek-projek yang akan dibiayai itu dan syarat-syarat pinjaman atas tiap-tiap projek yang dipersetujui. Seperti Ahli Yang Berhormat maklum, rombongan dari Tabung Kuwait untuk Pembangunan Ekonomi Arab pada minggu yang lepas sedang merundingkan syarat-syarat pinjaman untuk kemungkinan pembiayaan Projek Tanah, Palong. Ahli Yang Berhormat boleh diyakinkan dari yang semasa penyediaan projek-projek untuk dibiayai dari pinjaman-pinjaman dari Negara-negara Arab ini kehendak-kehendak sektor luarbandar, khususnya, akan diambil ingatan bersesuaian dengan dasar Kerajaan untuk mencapai pembangunan ekonomi yang seimbang selaras dengan Dasar Ekonomi Baru.

JALAN LANANG DI SIBU

21. Tuan Wee Ho Soon minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan bila kerja membina jalan baru selari dengan Jalan Lanang di Sibu yang ada sekarang akan dimulakan.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, jalan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah jalan Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, saya diberitahu bahawa jalan tersebut adalah di antara jalan-jalan bandar yang telah dimasukkan untuk pertimbangan dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Perlaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada keutamaan yang diberi oleh Kerajaan Negeri Sarawak.

JALANRAYA NEGERI— PENYENGGARAAN

22. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada beliau sedar bahawa banyak jalanraya-jalanraya Negeri tidak dijaga dengan baik, dan jika ya, adakah pihak Kerajaan Pusat bercadang hendak mengambil alih jagaan jalanraya-jalanraya tersebut daripada Kerajaan-kerajaan Negeri, jika ya, bila, dan jika tidak, mengapa.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Pusat tidak bercadang untuk mengambilalih penyenggaraan jalan-jalanraya Negeri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, Kerajaan Pusat adalah memberikan bantuan tiap-tiap tahun

kepada Kerajaan-kerajaan Negeri iaitu sebanyak \$5,000 bagi setiap batu untuk penyenggaraan jalan-jalan Negeri yang berdaftar dengan J.K.R. Bantuan ini biasanya mencukupi untuk melaksanakan penyenggaraan jalan seperti memotong rumput, pengaliran air parit di tepi jalan, menepal muka jalan yang tidak rata dan mengecat garisan tengah di muka jalan. Bantuan ini juga digunakan untuk membaharui muka jalan sekali dalam masa 8 hingga 10 tahun. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab pada menyelenggarakan jalan-jalanraya Negeri, dan Kerajaan Pusat tidak bercadang hendak mengambilalih penyenggaraan jalan-jalan ini.

PROJEK PEMBANGUNAN YANG TERGENDALA

23. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan adakah beliau sedar bahawa banyak projek-projek pembangunan telah tergendala akibat kekurangan pegawai dan kakitangan di Jabatan Kerja Raya, dan jika ya, berikan butir-butir mengenai kekurangan ini. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi kekurangan ini.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, ya. Saya sedar tentang kekurangan pegawai-pegawai dan kakitangan di Jabatan Kerja Raya untuk menjalankan tugas-tugas perlaksanaan projek-projek pembangunan.

Pada masa ini kekosongan-kekosongan dalam J.K.R. adalah seperti berikut:

Iktisas

Jurutera Awam	...	...	31
Jurutera Jentera	...	...	8
Akitek	...	...	25
Jurukur Bahan...	...	...	8
Jurutera Letrik	...	...	8

Separa Iktisas

Pembantu Teknik	...	...	141
-----------------	-----	-----	-----

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mengatasi kekurangan pegawai-pegawai dan kakitangan ini dengan mengambil pegawai-pegawai iktisas tempatan dan dari negeri-negeri sahabat secara kontrek. Tindakan juga diambil untuk menghantar pegawai separa iktisas yang sesuai ke

seberang laut untuk mendapatkan kelayakan iktisas. Dengan menghantar beberapa siswa dengan biasiswa ke Universiti-universiti dalam negeri dan di seberang laut kekurangan pegawai-pegawai iktisas akan dapat diselesaikan kira-kira di penghujung tahun ini kecuali bagi akitek-akitek.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa banyak jawatan-jawatan ini kosong disebabkan orang tidak begitu tertarik untuk bekerja dengan Jabatan Kerja Raya dengan sebab gajinya rendah jika dibandingkan dengan mereka yang bekerja di kalangan swasta. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar dan apakah tindakan selanjutnya bagi mengatasi masalah ini?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini saya fikir bukanlah tertumpu kepada J.K.R. sahaja, tetapi juga di pejabat-pejabat yang lain, kerana satu daripada sebabnya ialah kita betul-betul kekurangan orang-orang yang berkelulusan pada waktu ini disebabkan perkembangan dan sebagainya dalam negara kita. Jadi, sehingga orang-orang yang berkelulusan itu cukup dalam negara kita, kekurangan ini, saya percaya kita masih alami. Walau bagaimanapun, seperti yang saya telah terangkan tadi kebanyakan daripada kekurangan ini dapat kita atasi sebelum penghujung tahun ini kecuali akitek-akitek.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan lagi. Mengikut keterangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri sekejap tadi bahawa pegawai-pegawai kontrek dari seberang laut akan diambil untuk mengatasi kekurangan dalam Jabatan ini. Tidakkah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa pengambilan pegawai-pegawai kontrek dari luar negeri ataupun seberang laut melibatkan bertambah mahalnya gaji atau kontreknya mesti dibayar kepada mereka, tidakkah Yang Berhormat Menteri sedar dan apakah usaha supaya orang-orang tempatan lebih suka untuk menjalankan kerja-kerja sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri dan akan mengambil-alih dari pegawai-pegawai atau orang-orang dari luar negeri tadi?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, yang kita ambil daripada luar negeri sebagaimana saya katakan tadi adalah dengan secara kontrek buat sementara sahaja iaitu dalam masa dua atau tiga tahun, dan apabila ada orang kita sendiri yang berkelayakan, saya percaya tempat-tempat mereka itu dapat kita isikan dengan orang kita sendiri. Walau bagaimanapun, incentive yang kita berikan, selagi kita masih kekurangan, saya percaya incentive sahaja tidak dapat mengatasi masalah ini. Walau bagaimanapun, satu Suruhanjaya sekarang sedang mengkaji masalah gaji pada waktu ini.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan bagi Pertanyaan No. 24 hingga 55 adalah diberi di bawah ini).

JAMBATAN PASIR TUMBOH KOTA BHARU

24. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan adakah beliau sedar bahawa sebuah jambatan di Pasir Tumboh, di Jalan Pasir Puteh, Kota Bharu, Kelantan telah lama rosak dan kerja-kerja membaikinya berjalan sangat perlahan, dan jika ya, mengapa, dan bilakah jambatan ini akan siap diperbaiki.

Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Kerajaan sedar akan kerosakan Jambatan di Pasir Tumboh, di Jalan Pasir Puteh, Kota Bharu, Kelantan. Kerajaan telah mengambil keputusan untuk membina sebuah Jambatan baru di tapak yang lama dan butir-butir penyelidikan tanah sedang dikaji untuk mereka-bentuk Jambatan baru ini. Tawaran-tawaran akan dipanggil pada bulan Mei, 1975 dan projek ini dijangka akan siap dalam masa 18 bulan. Sementara itu satu jalan lain (By-pass) yang ada, melalui Keterih dan Melor telah diperbaiki untuk melicinkan lalulintas di antara Kota Bharu ke Pasir Puteh.

ORANG ASLI—TARAF HIDUP

25. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama-ada beliau sedar iaitu ramai Orang Asli di

negara kita sedang menghadapi kesusahan dan kemiskinan, jika ya, adakah apa-apa rancangan untuk membantu mereka.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Kerajaan memang sedar akan taraf hidup Orang-orang Asli di Malaysia ini. Hak-hak mereka sebagai warganegara adalah terjamin di bawah Perlembagaan dan "The Aboriginal Peoples Act, 1954" (Pindaan 1974). Usaha-usaha meninggikan taraf sosial dan ekonomi mereka dan seterusnya mengintegrasikan mereka ke dalam masyarakat Malaysia sedang giat dijalankan, tetapi usaha-usaha ini tentulah memakan masa oleh kerana nilai-nilai yang berlainan mengenai konsep kemajuan, kemiskinan dan kemunduran bagi orang-orang asli dan lain-lain masyarakat di Malaysia. Oleh kerana itu Kementerian ini sangat-sangat menitikberatkan pelajaran di kalangan orang-orang asli untuk mempesatkan proses "deculturalisation" untuk menyamakan nilai-nilai mereka dengan masyarakat lain di negeri ini. Sekolah dan asrama-asrama telah dan sedang didirikan baik di luar dan di hutan pedalaman dan segala-galanya adalah diberi percuma termasuk memberi makanan percuma kepada penuntut-penuntut di asrama itu. Lain-lain langkah yang dijalankan ialah:

- (i) Mengujudkan suatu pentadbiran yang "efficient" dan lengkap bagi mengambil tindakan dan melaksana semua perkara mengenai hal ehwal orang Asli.
- (ii) Memberi perkhidmatan kemasyarakatan yang sempurna seperti kesihatan, perubatan, dan bantuan kebajikan.
- (iii) Melaksanakan rancangan ekonomi untuk meninggikan taraf ekonomi mereka, seperti rancangan tanah berkelompok, tanaman jangka pendek (cash crop), menyediakan perumahan yang sempurna (Kampung Contoh) rancangan-rancangan memperbaiki infrastruktur iaitu membina jambatan/titi, parit dan taliair. Hasil daripada langkah-langkah Kerajaan itu, keadaan orang asli telah bertambah baik seperti dicerminkan dengan bertambahnya kanak-kanak orang-orang asli yang mendapat pelajaran serta pekerjaan tetap (70% daripada lebih 1,000 orang kakitangan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli adalah orang-orang asli) bagi orang-orang asli.

Tetapi Kementerian ini adalah juga sedar bahawa segala bimbingan dan langkah-langkah yang dijalankan oleh Kerajaan itu mestilah sejajar dengan kemampuan orang-orang asli menerimanya. Adalah tidak wajar bagi Kerajaan menetap atau memaksa apa jua rancangan sekiranya orang asli belum dapat dan belum bersedia menerimanya. Dengan itu walaupun Kerajaan bersimpati dan mempunyai kesedaran yang mendalam mengenai keadaan orang-orang asli, perubahan yang dicapai haruslah beransur-ansur dan memakan masa.

AKHBAR/MAJALLAH MALAYSIA DIHARAMKAN OLEH SINGAPURA

26. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menamakan:

- (a) akhbar-akhbar dan majallah-majallah Malaysia yang diharamkan oleh Kerajaan Singapura, dan
- (b) akhbar-akhbar dan majalah-majalah Singapura yang diharamkan oleh Kerajaan Malaysia.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:

- (a) Kita tidak mempunyai sebarang rekod mengenai akhbar-akhbar dan majallah-majallah Malaysia yang diharamkan oleh Kerajaan Singapura kerana perkara ini adalah tertakluk kepada Kerajaan Singapura sendiri.
- (b) Setakat ini tidak ada akhbar-akhbar dan majallah-majallah yang dicetak dan diterbitkan di Singapura telah diharamkan oleh Kerajaan Malaysia. Walaupun Kerajaan Malaysia tidak membenarkan penerbitan-penerbitan yang tidak mendapat permit di bawah seksyen 7E (i) Akta Mesin Cetak, 1948 untuk dijual dan diedar di Malaysia. Penerbitan-penerbitan ini termasuk "*The Straits Times*, *Nanyang Siang Pao*, *Sin Chew Jit Pao*, *Papineau's Guide to Malaysia—Land of Exotic Splendour*" dan majallah bertajuk "vel".

Untuk makluman Yang Berhormat jika penerbitan itu diharamkan sesiapa yang memilikinya boleh didakwa oleh pihak yang berkuasa, tetapi jika penerbitan-penerbitan itu tidak dibenarkan dijual atau diedar, pengedar atau penjualannya boleh didakwa oleh pihak yang berkuasa.

LAPANGANTERBANG TANJONG LABOH

27. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Pertahanan menyatakan samada Kerajaan bercadang untuk menjadikan bekas Lapanganterbang Tanjong Laboh, Batu Pahat, Johor sebuah pengkalan Terbang TUDM di bahagian Selatan Semenanjung Malaysia bagi menjaga pertahanan udara di kawasan selatan atau menjadikannya Pusat Latihan Tetap bagi Sekolah Latihan Payong Terjun atau lain-lain keperluan tentera daripada Lapanganterbang itu terbiar begitu sahaja yang mungkin akan digunakan oleh setengah-tengah pihak yang tidak bertanggungjawab yang merugikan negara.

Menteri Pertahanan (Tun Haji Abdul Razak): Kerajaan tidak bercadang hendak menjadikan Lapanganterbang lama di Tanjong Laboh, Batu Pahat sebagai satu Pengkalan TUDM atau Pusat Latihan Tetap bagi Sekolah Latihan Payung Terjun, kerana belum ada keperluan buat masa ini dan juga buat beberapa waktu yang akan datang. Walau bagaimanapun, kawasan itu adalah digunakan dari masa ke semasa untuk latihan payung terjun dan upacara tamat latihan oleh Rejimen Gerak Khas Malaysia.

PENDAFTARAN PENGHUNI— PENGENDURAN

28. Tuan S. Samy Vellu minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Menteri yang berkenaan akan melonggarkan undang-undang "Tenants Registration" di pekan dan di kawasan kampung-kampung Baru misalnya bagi Daerah Sungai Siput.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Pengenduran Pendaftaran Penghuni di dalam sesebuah bandar atau kampung baru yang terlibat oleh pendaftaran itu akan bergantung kepada kedudukan keselamatan di kawasan berkenaan tersebut. Buat sementara ini, adalah tidak dicadang untuk mengendurkan pendaftaran itu di mana-mana bandar atau kampung baru di mana Pendaftaran Penghuni sedang berkuatkuasa.

KAMPUNG-KAMPUNG BARU— BESARKAN KAWASAN

29. Tuan S. Samy Vellu minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan samada beliau akan menimbangkan usaha-usaha untuk memperbesarkan kawasan kampung-kampung baru yang ada sekarang, iaitu Simpang Jalong, Rimba Panjang dan Salak Bahru memandangkan kepada bilangan penduduk-penduduk yang kian bertambah.

Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Michael Chen Wing Sum): Pada umumnya memanglah menjadi hasrat dan cita-cita Kementerian saya berusaha untuk mendapatkan tanah-tanah yang berhampiran kepada kampung-kampung baru yang telah menjadi sempit dan sesak disebabkan bertambahnya penduduk-penduduk kampung-kampung tersebut. Walau bagaimanapun kejayaan usaha dan cita-cita itu tertakluk kepada senang atau sukarnya mendapatkan tanah di sekeliling kampung-kampung baru tersebut. Seperti ahli Yang Berhormat telah sedia maklum bahawa di masa menubuhkan kampung-kampung baru dahulu beberapa ekar tanah ladang-ladang getah telah diambil oleh Kerajaan bagi maksud tersebut, Keadaan tanah-tanah di sekeliling kampung-kampung baru pada masa sekarang sangatlah berkurangan. Oleh hal yang demikian sukarlah pihak Kerajaan hendak menjayakan hasrat dan cita-cita untuk memperluaskan lagi kampung-kampung baru yang telah sempit dan sesak itu.

Bagaimanapun, Kementerian ini berpendapat, bagi sesuatu kampung baru yang pertambahan penduduknya telah menyesak, yang dianggap keadaan seperti itu mengancam kehidupan penduduk-penduduk daripada beberapa segi, namun usaha kerajaan bagi mendapatkan tanah yang lebih luas dan sesuai di sekeliling kampung baru itu untuk membesarkan kawasan tersebut, tidak mengizinkan, maka adalah lebih elok jika sebahagian daripada penduduk-penduduk kampung baru itu berpindah ke rancangan-rancangan tanah atau ke pusat-pusat baru (new growth centres) yang ditubuhkan oleh Kerajaan.

TAHANAN YANG MENINGGAL— ADUAN

30. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) angka jumlah orang-orang tahanan yang meninggal dunia semasa di dalam tahanan dalam masa lima tahun yang lalu;
- (b) adakah beliau sedar tentang aduan yang merebak bahawa orang-orang tahanan yang telah dipukul secara jasmiani semasa di dalam tahanan dan jika ya, adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan satu penyiasatan;
- (c) adakah Kerajaan akan menimbang dengan bersungguh-sungguh untuk menawar bantuan kewangan kepada keluarga-keluarga orang-orang tahanan yang telah meninggal dunia, dan
- (d) bilakah penyiasatan polis terhadap kematian seorang tahanan di Sungai Siput (U) pada 10-1-75, KOO AH KOW *alias* KOK YOK FAH akan selesai.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:

- (a) 3 orang.
- (b) Saya sedar adanya pengaduan-pengaduan bahawa orang-orang tahanan telah dipukul semasa di dalam tahanan tetapi selepas disiasat kesemuanya itu adalah tidak berasas sama sekali. Walau bagaimanapun ingin saya menegaskan di sini sekiranya tuduhan-tuduhan itu berasas, pihak Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang sewajar ke atas orang-orang yang bertanggungjawab itu.
- (c) Bantuan akan diberi kepada mana keluarga yang memerlukan bantuan.
- (d) Penyiasatan Polis hanya boleh dibuat apabila laporan "post mortem" diterima dari pihak yang berkenaan. Laporan tersebut baru sahaja kami terima dan pada masa ini pihak Polis sedang menjalankan penyiasatan.

LOTERI PERKHIDMATAN MASYARAKAT—TIKET

31. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Kebajikan Am menyatakan berapa banyak hasil dari jualan tiket-tiket Loteri Per-

khidmatan Masyarakat dan Kebajikan yang telah diberikan kepada warganegara-warganegara yang memerlukan bantuan.

Perdana Menteri: Kesemua hasil dari jualan tiket-tiket Loteri adalah digunakan untuk kebajikan warganegara-warganegara yang memerlukan bantuan, samada secara perseorangan atau melalui pertubuhan-pertubuhan dan badan-badan kebajikan.

BANTUAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

32. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Kebajikan Am memberikan butir-butir dan angka-angka yang berikut:

- (a) jumlah wang yang telah diberikan kepada orang-orang yang memerlukan bantuan wang selepas Persidangan Belanjawan yang lalu;
- (b) mengapakah terdapat orang-orang yang telah tidak menerima bantuan kebajikan mereka dalam masa enam bulan yang lalu;
- (c) adakah Kerajaan bercadang menambahkan jumlah bantuan kewangan kepada balu-balu yang memerlukan wang dan penerima-penerima bantuan yang tua memandangkan kepada kesulitan ekonomi sekarang ini; dan
- (d) adakah Kerajaan akan menimbang untuk memberi bantuan kebajikan masyarakat kepada setengah orang-orang yang bukan warganegara atas alasan keperimanasian.

Menteri Kebajikan Am (Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani):

- (a) Sejak Persidangan Belanjawan yang lalu, iaitu bagi tempoh 1hb Januari hingga 28hb Februari, 1975, jumlah bantuan yang telah diberi kepada mereka yang memerlukannya di bawah berbagai-bagai skim bantuan yang dikelola oleh Kementerian ini ialah sebanyak \$184,598.
- (b) Setakat yang saya ketahui, mereka yang layak menerima bantuan diberi bantuan itu dalam bulan ia patut menerimanya. Namun begitu, jika sekiranya Ahli Yang Berhormat dapat memberitahu saya nama-nama mereka yang layak mendapat bantuan tetapi tidak menerimanya dalam jangka masa enam bulan yang lalu, saya akan menyiasat kedudukan sebenar perkara tersebut.

- (c) Bantuan yang diberi oleh Kementerian ini kepada balu-balu dan orang-orang tua yang memerlukan bantuan telahpun ditambah semenjak 1hb Jun, 1974 yang lalu. Dahulunya seseorang balu yang memerlukan bantuan adalah layak menerima bantuan tidak lebih dari \$75 sebulan sementara seseorang tua pula layak menerima bantuan tidak melebihi \$30 sebulan. Sekarang, seseorang balu itu layak menerima bantuan berjumlah tidak lebih dari \$100 sebulan mengikut bilangan tanggungannya. Seorang tua pula layak menerima bantuan tidak melebihi \$37 sebulan.
- (d) Orang-orang bukan warganegara yang memerlukan bantuan juga diberi bantuan kebajikan masyarakat jika mereka bermastautin di negara ini.

ANGKATAN TENTERA—SEKIM GAJI SURUHANJAYA TAN SRI IBRAHIM

33. **Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa anggota-anggota Angkatan Tentera tidak puas hati dengan tanggagaji yang dicadangkan oleh Lapuran Sheikh Abdullah dan jika ya, samada Kerajaan bercadang mengulangkaji tanggagaji mereka; dan
- (b) bilangan rumah kelamin yang diuntukkan kepada mereka di seluruh Malaysia.

Perdana Menteri: Bagi menjawab pertanyaan (a), suka saya menyatakan bahawa sekim gaji baru untuk anggota-anggota tentera seperti yang terkandung dalam Lapuran Jawatankuasa Tan Sri Sheikh Abdullah adalah pada keseluruhannya seimbang atau sejajar dengan sekim gaji dalam perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan yang lain yang terkandung dalam Lapuran Suruhanjaya Suffian. Walau bagaimanapun, dalam sebarang lapuran mengenai gaji, adalah menjadi perkara biasa bagi sebilangan kecil dari mereka yang terlibat berasa tidak puashati.

Seperti Ahli Yang Berhormat itu sedia maklum, Kerajaan telah menubuhkan Suruhanjaya Tan Sri Ibrahim dan Kementerian saya akan mengemukakan syor-syor untuk pertimbangan Suruhanjaya itu.

Bagi menjawab pertanyaan (b) pula jumlah rumah kelamin untuk anggota tentera di seluruh Malaysia ialah 20,028 buah yang dimiliki oleh Kerajaan dan selain dari itu 1,873 buah adalah disewa oleh Kementerian untuk anggota-anggota tentera.

PENGANGGURAN AKIBAT PENGAMBILAN KAUM WANITA

34. **Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa pengambilan kerja secara meluas dari kalangan kaum wanita di negara ini akan menimbulkan masalah-masalah seperti berikut:

- (i) merampas hak kerja dari kalangan kaum laki-laki;
- (ii) menimbulkan pengangguran di kalangan laki-laki yang akibatnya lebih buruk dari pengangguran di kalangan kaum wanita; dan
- (iii) menambahkan suasana tidak tenang bahkan menambah perceraian di kalangan suami-isteri.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Nampaknya soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tidak mempunyai asas yang tertentu. Adalah tidak benar untuk menyatakan bahawa terdapat pengambilan kerja secara besar-besaran kerana wanita hanya mengandungi lebih kurang 30% daripada tenaga kerja di negara ini, terutamanya selepas mengambil kira bahawa wanita mempunyai lebih dari 50% dalam kumpulan umur yang bekerja iaitu di antara umur 15 tahun hingga 64 tahun.

- (i) Saya suka menyatakan di sini bahawa tidak ada sebenarnya "hak-hak kerja bagi kaum lelaki". Lelaki dan perempuan masing-masing mempunyai hak yang sama untuk bekerja dan adalah tidak wajar untuk menyatakan bahawa pengambilan kerja di kalangan kaum wanita telah merampas hak-hak kerja dari kalangan kaum lelaki. Sebenarnya adalah menjadi dasar Kerajaan bagi mengadakan peluang pekerjaan yang sama tanpa mengira jantina.
- (ii) Adalah tidak wajar untuk menyatakan bahawa pengangguran di kalangan kaum lelaki, boleh membawa akibat

yang lebih buruk daripada pengangguran di kalangan kaum wanita, Pengangguran sebenarnya akan membawa akibat-akibat samada dialami oleh kaum lelaki atau perempuan.

- (iii) Tidak ada bukti sama sekali yang menunjukkan pengambilan kerja di kalangan kaum wanita telah menambatkan suasana tidak tenang dan perceraian di kalangan suami isteri. Tidak dapat dinyatakan dengan tepat bahawa ketidaktenangan di antara suami dan isteri adalah bukan semata-mata disebabkan oleh isteri bekerja atau tidak tetapi adalah lebih bergantung kepada lain-lain faktor.

BUMIPUTRA—TAKRIF

35. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara memberi satu definasi di antara perkataan "Bumiputra" dan "bukan Bumiputra", dan nyatakan bilakah Kerajaan akan membatalkan kegunaan perkataan-perkataan tersebut.

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Perkataan "Bumiputra" tidak ditakrifkan di dalam undang-undang, tetapi tidak payahlah dikatakan bahawa kita tidaklah pula terpaksa berhenti menggunakan sesuatu perkataan oleh kerana ianya tidak ditakrifkan di dalam undang-undang. Perkataan "Bumiputra" adalah suatu perkataan yang diiktirafkan baik dalam kegunaan biasa dan tiada apa-apa kesukaran tentang menentukan erti dan tujuannya dalam sesuatu konteks yang tertentu. Saya telahpun menjawab soalan ini pada beberapa kali sebelum ini di Dewan ini dan saya harap ini adalah kali yang penghabisan.

PEJABAT PENDAFTAR DAN PEMERIKSA KERETA MOTOR IPOH

36. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki keadaan kerja di Pejabat Pendaftar dan Pemeriksa Kereta Motor di Ipoh dan memperbaiki keadaan bahaya dari api di pejabat tersebut kerana ianya telah ditempatkan bertahun-tahun di bangunan yang tidak teratur untuk sementara sungguhpun pejabat tersebut memungut hasil yang banyak untuk Kerajaan.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Kerajaan memang sedar mengenai keperluan mengadakan satu bangunan baru bagi Pejabat Pendaftar dan Pemeriksa Kereta Motor di Ipoh. Satu tapak seluas 36,200 kaki persegi telah diperolehi di Jalan Tasek dan kerja-kerja tapak telahpun dimulakan dan tawaran untuk mendirikan sebuah Bangunan Bertingkat yang baru akan dipanggil dalam bulan Mei 1975 dan dijangka siap pada penghujung tahun 1976.

SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN CONFUCIAN (CHINA) SUNGAI BESI—PENYELENGGARAAN

37. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar sebahagian besar dinding Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Confucian (China) Jalan Sungai Besi, Kuala Lumpur, sedang retak dan menyebabkan kantin sekolah dan empat bilik darjah di tingkat 1 dan 2 dikosongkan oleh sebab-sebab keselamatan di atas nasihat Jurutera Bandaraya tiga tahun dahulu, dan jika sedar apakah tindakan Kementerian beliau akan ambil untuk memperbaiki keadaan merbahaya ini.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Ya, saya sedar berkenaan dengan perkara itu. Pengarah Pelajaran Negeri Selangor telah meminta pihak J.K.R. menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan. Pihak J.K.R. telahpun meminta pihak sekolah mengemukakan plan-plan sekolah kepadanya pada bulan Ogos, 1973 supaya dapat kerja-kerja penyelenggaraan dijalankan. Akan tetapi sehingga hari ini pihak sekolah belum lagi mengemukakan plan-plan itu.

DADAH DI KALANGAN BELIA

38. Dr Chen Man Hin minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan:

- (a) sebab-sebab bertambahnya penagihan dadah di kalangan pemuda-pemudi;
- (b) samada penagihan dadah satu faktor besar yang mengakibatkan kenaikan kadar jenayah; dan
- (c) langkah-langkah yang sedang diambil untuk mencegah negara kita digunakan sebagai satu saluran antarabangsa untuk pengedaran dadah.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:

(a) Nampaknya ada didapati bertambah penyalahguna dadah di kalangan belia-belia. Sebab-sebabnya ialah banyak dan sebab-sebab yang mendorongkan seseorang itu menjadi penagih adalah berlainan dari seorang ke seorang. Memang ada beberapa faktor yang mendorong seseorang itu terlibat kepada penghisapan dadah dan di antaranya ialah:

(a) kekecewaan dan perasaan putus harapan,

(b) keadaan di sekelilingnya serta pengaruh kawan-kawannya,

(c) kekurangan penjagaan ibubapa serta pengawasan dari masih muda.

(b) Tidak dapat dipastikan dengan tepat bahawa penyalahguna dadah menjadi satu faktor menyebabkan bertambahnya kejadian jenayah. Belum ada kajian objektif yang dibuat dari segi ini. Walaupun begitu, pertimbangan patut diberi jika satu-satu kejadian jenayah dilakukan oleh sebab dorongan pengaruh dadah ataupun penagih dadah itu sememangnya seorang penjenayah atau bersifat penjenayah.

(c) Ada dua langkah yang sedang diambil untuk mencegah negeri ini dari digunakan sebagai satu tempat perjalanan pengedaran dadah antarabangsa. Bagi mencegah dadah diseludupkan ke negara ini pihak Kastam, Polis dan Pusat Biro Narkotik sedang menjalankan tindakan yang rapi bagi menghalang penyeludupan dadah di sempadan utara Semenanjung. Langkah yang kedua ialah bagi cawangan penguatkuasa bertindak terhadap pengedar-pengedar yang diketahui. Kerjasama yang rapat di antara kita dengan badan-badan penguatkuasa di negara lain di dunia telah menghasilkan kekurangan pengedaran dadah antarabangsa dari Malaysia.

ANGKATUNJUK HARGA PENGGUNA

39. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kewangan menyatakan samada kadar inflasi kian menurun; dan jika ya, nyatakan bila harga barang-barang keperluan dan barang-barang kegunaan harian dijangka akan turun.

Menteri Kewangan (Datuk Hussain bin Datuk Onn): Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, telah terdapat penurunan yang amat besar dalam angkatanunjuk harga pengguna bagi Semenanjung Malaysia dalam bulan-bulan yang baru lepas. Angkatunjuk harga pengguna telah turun dari kadar kenaikan tahunan sebanyak 24% dalam bulan Mac 1974 kepada 14.8% dalam bulan September tahun yang sama. Kadar kenaikan ini telah terus turun kepada 8.4% dalam bulan Februari tahun ini apabila dibandingkan dengan masa yang sama tahun 1974.

Berkenaan dengan angkatanunjuk harga pengguna bagi bahan-bahan makanan kadar penurunan tahunan telah jatuh dari 40% dalam bulan Mac kepada 14.8% dalam bulan September tahun lepas. Dalam bulan Februari tahun ini, kadar kenaikan telah jatuh dengan lebih besar lagi kepada 8.8% apabila dibandingkan dengan masa yang sama dalam tahun 1974. Mengikut perbandingan bulanan, angkatanunjuk harga pengguna bagi bahan-bahan makanan dalam bulan Februari tahun ini, telah menunjukkan kejatuhan dari segi mutlak buat pertama kalinya dalam masa dua tahun. Angkatunjuk harga pengguna bagi minyak dan lemak dalam bulan Februari tahun ini adalah lebih rendah iaitu sebanyak 9% dari paras harga setahun yang lalu. Harga-harga bagi setengah-setengah bahan makanan dan keperluan-keperluan harian yang telah jatuh dalam bulan Februari jika dibandingkan dengan bulan Januari, termasuklah daging (-0.6%), ikan (-4.3%), susu dan telur (-1.5%) dan minyak dan lemak (-4.1%). Harga-harga bagi beras, roti dan lain-lain bijibijian, kopi dan teh telah stabil dalam bulan Februari jika dibandingkan dengan bulan Januari tahun ini.

Arahaliran harga bagi Sabah dan Sarawak adalah juga menggalakkan. Bagi Sabah angkatanunjuk harga pengguna pada bulan Disember tahun 1974 adalah sebanyak 14.7% melebihi paras pada masa yang sama setahun lalu berbanding dengan kadar kenaikan tahunan sebanyak 15.1% dalam bulan November. Penurunan telah berlaku dalam angkatanunjuk bagi pakaian dan kasut yang jatuh dari kadar tahunan sebanyak 20.7% dalam bulan Disember tahun 1973 kepada kadar kenaikan tahunan sebanyak 3.7% dalam bulan Disember tahun 1974.

Begitu juga bagi Sarawak di mana kadar kenaikan tahunan bagi angkatunjuk harga pengguna telah jatuh dari 15.5% dalam bulan Mac tahun 1974 kepada 12.6% dalam bulan Disember. Angkatunjuk bagi bahan-bahan makanan telah turun dari kadar kenaikan tahunan sebanyak 29.5% dalam bulan April tahun 1974 kepada 12.6% dalam bulan Disember. Angkatunjuk bagi bahan-bahan makanan telah turun dari kadar kenaikan tahunan sebanyak 29.5% dalam bulan April tahun 1974 kepada 18% dalam bulan Disember tahun 1974, sementara angkatunjuk bagi pakaian dan kasut menunjukkan kejatuhan bulanan yang mutlak sebanyak 0.7% dalam bulan Disember tahun 1974, jika dibandingkan dengan bulan November 1974.

Kejatuhan keseluruhan bagi harga-harga barang-barang pengguna terutamanya bahan makanan, menunjukkan bahawa langkah-langkah positif mencegah inflasi yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan telah mendatangkan kesan dan saya boleh menjamin Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan akan terus mengawasi dengan rapi keadaan ini dan cuba mengekalkan arahaliran yang sihat ini.

HARGA BIJI GANDUM

40. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada harga tepung gandum dan roti dijangka akan turun memandangkan turunnya harga gandum di pasaran-pasaran dunia.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Harga biji gandum di pasaran dunia telahpun didapati turun sedikit pada tahun ini berbanding dengan harga pada tahun yang lalu. Walau bagaimanapun keadaan harga pada masa ini iaitu dalam lingkungan 111 ringgit Australia atau 355 ringgit Malaysia satu tan adalah masih lagi pada peringkat yang tinggi. Kadar kekurangan harga biji gandum sekiranya dibandingkan di antara tahun ini dengan tahun yang lalu adalah kecil, sungguhpun harga itu adalah berkurangan. Akan tetapi syarikat-syarikat pengilang tepung tempatan masih lagi mengilang tepung gandum daripada biji gandum yang mana telah dibayar dengan harga yang lebih tinggi sekiranya dibandingkan dengan harga

di pasaran tempatan pada masa ini. Ini adalah kerana syarikat-syarikat tempatan terpaksa membuat tempahan yang lebih awal yang mana pada masa itu harga biji gandum di pasaran antarabangsa adalah pada peringkat yang tinggi.

Walaupun bagaimanapun Kementerian saya sentiasa mengawasi keadaan harga tepung gandum yang mana mempunyai kesan ke atas harga roti dari semasa ke semasa berikutan dengan keadaan harga biji gandum di pasaran antarabangsa.

NEGARA ARAB—TANAMAN MODAL

41. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan nama negara-negara Arab yang ingin menanam modal di Malaysia dan bilakah Kerajaan akan menghantar satu rombongan perdagangan ke negara-negara tersebut untuk menarik penanam modal tersebut.

Perdana Menteri: Dalam lawatan saya ke negara-negara Arab dan Timur Tengah baru-baru ini, saya dapati bahawa ke semua negara-negara ini seperti Kuwait, Abu Dhabi, Qatar, Bahrain dan Oman telah menunjukkan hasratnya untuk merapatkan lagi hubungannya dengan negara kita menerusi perdagangan dan juga usaha bersama seperti rancangan-rancangan "joint venture", yang berasaskan bahan-bahan mentah seperti getah, bijih timah, kelapa sawit dan kayu-kayan. Oleh itu, saya telah mengarahkan pihak-pihak tertentu terutamanya pihak swasta untuk menghantar rombongan melawat ke negara-negara tersebut dan juga menjemput ahli-ahli perdagangan dan pelaburan di negara-negara itu untuk datang ke Malaysia dan melihat sendiri usaha-usaha pembangunan yang kita sedang jalankan dan peluang-peluang pelaburan yang ada di negara kita. Ini akan di usahakan bersama di antara Kerajaan dan juga pihak swasta untuk menarik pemodal-pemodal asing ke negara kita. Kerajaan sentiasa menggalakkan lawatan-lawatan seperti ini dan akan memberi apa-apa juga pertolongan untuk mencapai maksud tersebut.

KESAN EKONOMI

42. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Perdana Menteri menyatakan hasil lawatan beliau ke negara-negara Timur Tengah baru-baru ini; dan apakah kesan-kesan ekonomi yang dicapai oleh lawatan tersebut.

Perdana Menteri: Jawapan kepada pertanyann Ahli Yang Berhormat itu lebih kurang sama seperti jawapan kepada pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar sebentar tadi.

SURUHANJAYA PILIHANRAYA— DAFTAR PEMILIH

43. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan apakah dasar-dasar dan langkah-langkah baru yang akan dikemukakan selepas kajian dan ulangkaji oleh dua orang Menteri dan Suruhanjaya Pilihanraya mengenai aduan-aduan terhadap pembatalan pengundi-pengundi secara besar-besaran dan ketinggalan pendaftaran pengundi-pengundi yang layak, dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menentukan supaya setiap pengundi yang layak didaftarkan.

Perdana Menteri: Suruhanjaya Pilihanraya telah memutuskan bahawa nama-nama pemilih yang sedia terdaftar akan hanya potong dikeluarkan daripada daftar pemilih sekiranya:

- (i) Pemilih yang berkenaan memberitahu sendiri dengan menghantar permohonan bahawa dia telah berpindah alamat dan ingin namanya didaftarkan di alamatnya yang baru;
- (ii) Suruhanjaya Pilihanraya menerima maklumat daripada Jabatan-Jabatan Kerajaan seperti Jabatan Pendaftaran Beranak dan Mati, Jabatan Penjara, Jabatan Pendaftaran Negara dan Hospital Sakit Otak bahawa pemilih-pemilih yang berkenaan telah mati atau pada tarikh kelayakan sedang menjalani hukuman penjara atau terlucut atau menyerahkan kerakyatan atau sedang menerima rawatan sebagai pesakit otak (gila).

Suruhanjaya Pilihanraya juga telah memutuskan iaitu tempoh pendaftaran yang akan datang pihaknya akan menumpukan segala usahanya kepada pendaftaran pemilih di tempat-tempat yang tetap (static centres). Tempat-tempat pendaftaran yang ditetapkan itu akan diumumkan kepada orangramai melalui pegawai-pegawai Pendaftaran di kawasan-kawasan pendaftaran yang berkenaan. Penyemakan nama-nama dalam Daftar Pemilih oleh Penolong Pegawai-pegawai Pendaftaran dengan berkunjung ke rumah akan dihentikan.

Adalah juga ditegaskan iaitu setiap rakyat yang berkelayakan menjadi pemilih pada satu-satu tarikh kelayakan hendaklah datang sendiri ke pusat-pusat pendaftaran pemilih untuk mendaftarkan nama mereka sebagai pemilih. Nama-nama pemilih yang telah terdaftar tidak akan dipotong dari daftar kecuali atas permintaan mereka sendiri atau kerana sebab-sebab lain yang saya sebutkan tadi.

PARTI RAKYAT MENGHASUT PELAJAR-PELAJAR

44. Dr Tan Chee Khoon minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau boleh membuktikan bahawa ahli-ahli politik yang tersingkir telah menggalakkan gelisahan pelajar-pelajar pada bulan Disember 1974 dan Januari 1975 dan jika ya, sebutkan nama ahli-ahli politik tersebut.

Perdana Menteri: Kerajaan memang mempunyai bukti bahawa ketua-ketua Parti Rakyat ada menghasut dan menggalakkan kegelisahan pelajar-pelajar dalam bulan Disember 1974 dan Januari 1975.

Sebahagian besar ketua-ketua Parti ini telah mendapat kekalahan dalam pilihanraya umum yang lalu. Tindakan yang sewajarnya telahpun diambil terhadap dua orang daripada parti itu yang nama-nama mereka adalah pengetahuan umum.

PERJANJIAN ANTARABANGSA UNTUK HAK ASASI, EKONOMI, SOSIAL DAN KEBUDAYAAN

45. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada Malaysia telah mengesahkan Perjanjian Antarabangsa untuk Hak Asasi Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan (International Covenant on Economic, Social and Cultural Rights) dan jika tidak, mengapa.

Menteri Luar Negeri (Tun Haji Abdul Razak): Dari segi teknikal kita tidak boleh mengesahkan Perjanjian Antarabangsa untuk Hak Asasi, Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan kerana kita tidak menandatangani dan menerimanya. Kerajaan tidak fikirkan perlu baginya menandatangani dan menerima perjanjian ini kerana apa yang terkandung di dalam perjanjian ini baik dari segi prinsipnya mahupun dari segi tujuannya semuanya sudah termetri di dalam

Perlembagaan negara kita. Perlembagaan Malaysia telahpun mempunyai peruntukan-peruntukan yang menjamin hak-hak asasi ekonomi, sosial dan kebudayaan. Usaha-usaha untuk mencapai matlamat-matlamat ini boleh dilihat dalam dasar-dasar dan kegiatan-kegiatan pembangunan yang sedang dilaksanakan di negara kita pada masa ini.

HADIAH KEPADA MENTERI/DUTA/PEGAWAI KERAJAAN—PERATURAN

46. Tuan Lim Cho Hock minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau menganggap hadiah-hadiah yang diberi kepada Menteri-menteri kita, Duta-duta dan lain-lain pegawai kanan Kerajaan oleh Kerajaan dan pembesar-pembesar asing sebagai menjadi hakmilik Kerajaan atau persendirian; dan bagaimana beliau menepatkan peraturan itu serta apakah yang patut dibuat dengan hadiah-hadiah itu.

Perdana Menteri: Adalah tidak peraktik untuk mengadakan "classification" yang terlalu ketat (rigid) mengenai hadiah-hadiah yang diberi oleh Kerajaan dan pembesar-pembesar asing kepada Menteri-menteri kita, Duta-duta dan lain-lain pegawai Kerajaan yang berpangkat tinggi.

Pada amnya, hadiah-hadiah sedemikian yang diberi dalam bidang tugas rasmi mereka bolehlah dianggap sebagai menjadi hakmilik Kerajaan. Bagi hadiah-hadiah yang diberi secara persendirian maka hadiah-hadiah itu pada amnya tidak dianggap sebagai hakmilik Kerajaan.

Bagi hadiah-hadiah yang diberi dalam bidang tugas rasmi yang tidak mempunyai nilai kewangan dan tidak ada nilai sejarah (historical value) tetapi hanya merupakan "ornamental" dan mempunyai "sentimental value" sahaja maka mereka bolehlah menyimpannya selepas mendapat kebenaran daripada saya. Juga, banyak daripada hadiah-hadiah seumpama ini mengandungi (inscribed) nama sipenerima itu dan tidak berguna kepada orang lain.

Bagi hadiah-hadiah yang diterima dalam bidang tugas rasmi dan mempunyai nilai yang boleh menimbulkan keraguan tentang sebab-musabab pemberiannya maka seorang Menteri hendaklah menolak hadiah itu ataupun menyimpannya di Perbendaharaan serta melaporkan hal itu kepada saya atau mendapat arahan selanjutnya.

Bagi pegawai-pegawai Kerajaan penerimaan hadiah-hadiah adalah dilarang melainkan dalam keadaan-keadaan yang tidak dapat dielakkan. Ahli Yang Berhormat itu bolehlah merujuk kepada Bab "D", Peraturan Pegawai-pegawai Awam (Kelakuan dan Tetatertib), 1969 untuk mengetahui peraturan yang diadakan baginya.

PINJAMAN DARI NEGERI ARAB

47. Tuan Walter Loh Poh Khan bertanya kepada Perdana Menteri samada beliau berpuashati dengan pinjaman, 400 juta ringgit yang diterima dari Negara-negara Arab itu.

Perdana Menteri: Pada peringkat permulaan saya berpuashati dengan pinjaman lebih kurang 400 juta ringgit yang dijanjikan oleh Negara-negara Arab.

LAWATAN KEPALA NEGARA/PERDANA MENTERI

48. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abd. Majid minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa bilangan lawatan-lawatan yang telah dibuat oleh Kepala-kepala Negara/Perdana Menteri negara asing ke Malaysia dalam tahun 1973 dan 1974 dan siapakah Ketua Negara/Perdana Menteri tersebut;
- (b) berapa jumlah wang yang telah dibelanjakan bagi setiap lawatan; dan
- (c) apakah faedah-faedah secara langsung dan tidak langsung yang didapati oleh Malaysia daripada lawatan-lawatan tersebut.

Perdana Menteri: Pada tahun 1973 dan 1974, Malaysia telah menerima lapan lawatan dan daripada angka ini empat adalah lawatan yang diperbuat oleh Ketua-ketua Negara dan empat oleh Perdana Menteri-Perdana Menteri.

Dalam tahun 1973:

<i>Lawatan oleh</i>		<i>Perbelanjaan</i>
(a) T.Y.T. Presiden Republik India		\$126,472.00
(b) Y.A.B. Perdana Menteri Yugoslavia		26,400.00
(c) Y.A.B. Perdana Menteri New Zealand		31,000.00
(d) T.Y.T. Presiden Republik Burma		13,000.00

Dalam tahun 1974 pula:

<i>Lawatan oleh</i>	<i>Perbelanjaan</i>
(a) Y.A.B. Perdana Menteri Jepun	\$37,990.00
(b) Y.A.B. Perdana Menteri Australia	24,354.00
(c) T.Y.T. Presiden Repub- lik Burma	25,000.00
(d) T.Y.T. Presiden Repub- lik Indonesia	17,621.85

Lawatan-lawatan yang diperbuat oleh Ketua-ketua Negara dan Perdana Menteri-Perdana Menteri ke Malaysia adalah memberi banyak manfaat. Perjumpaan dan perbincangan yang berlaku di masa lawatan-lawatan ini adalah dibuat dalam keadaan suasana yang muhibbah dan mesra.

Lawatan-lawatan ini juga mengukuhkan lagi kerjasama, dalam bidang perniagaan, investments dan kemajuan iktisad. Didapati juga lawatan-lawatan ini menambahkan kerjasama dalam bidang kebudayaan.

Adalah dasar Kerajaan Malaysia untuk mengukuhkan tali persahabatan dengan negara-negara yang menunjukkan persahabatannya terhadap Malaysia. Berikutan dengan dasar ini Kerajaan Malaysia bukan sahaja mengalu-alukan lawatan-lawatan tersebut tetapi juga bersedia membalas lawatan-lawatan itu.

PENCEN KEPADA PESARA-PESARA

49. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa ramai lagi orang-orang yang telah bersara dalam tahun 1973 dan 1974 tetapi masih lagi belum dibayar pencennya serta nyatakan sebab-sebab berlakunya kelambatan itu;
- (b) adakah benar bahawa dari sungutan orang ramai, pegawai-pegawai tinggi biasanya dibayar pencennya lebih cepat daripada pegawai-pegawai rendah; kiranya benar, nyatakan bilangan pegawai-pegawai yang bergaji \$2,000 ke atas yang bersara dalam tahun 1974 dan telah dibayar pencennya serta nyatakan sebab-sebab keadaan itu berlaku; dan

- (c) sebab-sebab mengapa pegawai-pegawai rendah Kerajaan apabila bersara lambat benar mendapat pencennya, dan di manakah berlakunya kelambatan ini.

Perdana Menteri:

- (a) Sejauhmana yang dapat dipastikan, bagi persaraan-persaraan yang berlaku sehingga tahun 1974 pencen mereka telahpun dibayar di mana kertas-kertas pencen mereka telah dikemukakan untuk kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam. Hanya 134 pesara-pesara sahaja belum lagi dibayar pencennya dan kelewatan ini adalah disebabkan oleh beberapa perkara, seperti berikut:

- (i) Kertas-kertas persaraan dari Jabatan berkenaan belum atau telah lewat dikemukakan ke Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam;
 - (ii) Rekod Perkhidmatan pesara tidak dikemaskinikan dan kertas-kertas pencen tidak diisi dengan lengkapnya. Ini menyebabkan kertas berkenaan dirujuk semula ke Jabatan asal untuk pembetulan;
 - (iii) Sijil Pelepasan Cukai Pendapatan mengenai pesara belum atau lambat dikemukakan;
 - (iv) Penyata Kumpulan Wang Simpanan Pekerja mengenai pesara bukan sahaja tidak dikemukakan dalam masa yang ditetapkan tetapi juga potongan share bukan Kerajaan tidak dibuat; dan
 - (v) Sijil Akaun Tidak Berhutang tidak teratur dan oleh itu pertanyaan yang ditimbulkan telah menyebabkan bayaran pencen tergendala.
- (b) Tidaklah benar bahawa pegawai-pegawai tinggi biasanya dibayar pencen lebih awal daripada pegawai-pegawai rendah. Semua pesara samada pegawai tinggi atau rendah adalah mendapat layanan yang sama. Lagipun pegawai-pegawai Kerajaan yang bergaji lebih daripada \$2,000 hanya merupakan 2½% daripada bilangan semua pesara-pesara Kerajaan.
 - (c) Sebab-sebab kelewatan pembayaran pencen pegawai-pegawai rendah adalah seperti yang telah diterangkan tadi.

Masalah yang sama biasanya tidak timbul bagi kes persaraan pegawai-pegawai tinggi oleh kerana kertas-kertas pencen mereka selalunya dikedudukan awal-awal lagi dan didapati teratur dan kemaskini. Tanpa apa-apa masalah, pembayaran boleh dilaksanakan dengan segera. Selain daripada itu beberapa ramai lagi pekerja-pekerja dalam Kumpulan Perusahaan dan Buruh Kasar yang sungguhpun telah bersara belum lagi dimasukkan ke dalam perjawatan berpencen oleh Jabatan masing-masing. Ini mungkin berlaku kerana begitu banyaknya pekerja-pekerja Kerajaan dalam kategori ini yang perlu dimasukkan ke dalam perjawatan berpencen setelah terlaksananya Laporan Suffian. Rekod Perkhidmatan pegawai rendah terutama sekali mereka dalam Kumpulan Perusahaan dan Buruh Kasar telah tidak disimpan dengan sempurna. Pegawai rendah juga biasanya tidak faham mengenai masalah mendapatkan penyata Kumpulan Wang Simpanan Pekerja misalnya supaya boleh mempercepatkan lagi penyediaan kertas persaraan mereka.

RANCANGAN BUKU HIJAU

50. Tuan Oh Keng Seng minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) semenjak pelancaran Rancangan Buku Hijau pada bulan Disember yang lalu, kemajuan yang dicapai setakat ini; dan
- (b) jumlah ekar tanah yang diusahakan di setiap negeri;
- (c) jumlah bilangan orang-orang yang terlibat; dan
- (d) jumlah pengeluaran makanan.

Perdana Menteri: Setakat ini belum kesemua daerah dapat mengumpulkan butir-butir yang dikehendaki berkaitan dengan Buku Hijau. Analisa mengikut pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu hanya dapat dibuat apabila data-data tersebut telah dikumpul dan disampaikan kepada Urusetia-urusetia yang berkenaan.

KEMISKINAN DI KALANGAN BUMIPUTRA

51. Tuan Leo Moggie minta Perdana Menteri menyatakan, memandangkan anggapan yang meluas di kalangan Bumiputra keturunan

Dayak di Sarawak bahawa kepentingan mereka tidak cukup diiktiraf dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, samada beliau akan mengarahkan supaya suatu penyiasatan yang bebas dan saksama dibuat untuk menentukan samada anggapan ini betul atau tidak dan jika terdapat kebenarannya samada beliau sendiri akan menentukan supaya keadaan ini diperbaiki.

Perdana Menteri: Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, adalah menjadi objektif Dasar Ekonomi Baru untuk menghapuskan kemiskinan di kalangan rakyat tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat supaya bumiputra diberi peluang-peluang yang sama dalam semua aktiviti-aktiviti ekonomi. Objektif ini adalah dilaksanakan di Sarawak dengan sewajarnya untuk memberi faedah kepada semua kaum terutamanya kaum bumiputra termasuk orang Melayu, Iban, Kenyah dan lain-lain.

Walau bagaimanapun Dasar Ekonomi Baru merupakan satu matlamat yang akan mengambil masa yang panjang untuk dilaksanakan sepenuhnya. Dalam perkara itu, jika Ahli Yang Berhormat menyedari bahawa ada terdapat kesulitan-kesulitan yang tertentu dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru di Sarawak, diharap Yang Berhormat dapat memberitahu Kerajaan mengenainya supaya perkara ini dapat diberi perhatian.

KELEWATAN PROJEK-PROJEK KERAJAAN

52. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sebab-sebab berlakunya kelewatan dalam melaksanakan projek-projek Kerajaan seperti bangunan-bangunan sekolah, pusat-pusat kesihatan, jambatan-jambatan dan jalanraya-jalanraya di negara ini, terutama sekali Kelantan;
- (b) samada salah satu daripada sebab-sebabnya berlaku kelewatan ialah kerana kekurangan pegawai-pegawai dan kakitangan yang berkeelayakan di negara ini, dan jika ya, samada Kerajaan bercadang untuk mengambil mereka secepat mungkin; dan
- (c) jenis-jenis dan bilangan jawatan-jawatan kosong yang perlu dipenuhi bagi melancar dan menyempurnakan projek-projek Kerajaan yang kebelakangan.

Perdana Menteri:

- (a) Oleh kerana soalan dari Ahli Yang Berhormat itu terlalu am, saya tidak dapat memberi jawapan yang tepat.
- (b) Ya, Kerajaan telah dan sedang bertindak mengatasi kekurangan pegawai-pegawai dan kakitangan JKR dengan mengambil Pegawai Ikhtisas Tempatan dan dari negeri sahabat secara kontrek. Disamping itu, biasiswa-biasiswa dikeluarkan kepada siswa untuk mendapatkan kelayakan Ikhtisas di Universiti tempatan dan seberang laut.
- (c) Adalah terlalu panjang untuk memper-turunkan semua jenis-jenis dan bilangan jawatan-jawatan kosong yang perlu dipenuhi, tetapi sebagai contoh di JKR sahaja terdapat kekosongan-kekosongan berikut:

Ikhtisas (JKR)

Jurutera Awam	31
Jurutera Jentera	8
Jurutera Letrik	8
Akitek	25
Juru Ukur Bahan	8

Separa Ikhtisas

Pembantu Teknik	141
Jumlah	221

THAIPUSAM—CUTI UMUM

53. Tuan S. Samy Vellu minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau akan menimbang mengisytiharkan Perayaan Thaipusam bagi orang-orang yang beragama Hindu sebagai hari kelepasan am oleh kerana mendapat sambutan meriah dari semua kalangan rakyat Malaysia.

Perdana Menteri: Kita telahpun mengisytiharkan cuti umum bagi berbagai-bagai perayaan ugama. Oleh itu saya berpendapat tidaklah wajar bagi kita menambahkan lagi hari cuti umum bagi maksud tersebut. Kita memerlukan masa kerja yang maksima terutamanya ketika negara kita giat membangun. Umpamanya masa kerja dalam bulan puasa beberapa tahun yang lalu hanya separuh hari sahaja pada tiap-tiap hari. Semenjak tahun 1972 Kerajaan telah me-

netapkan supaya waktu pejabat Jabatan Kerajaan dalam bulan puasa diteruskan seperti waktu pejabat biasa.

Walaupun demikian bagi pegawai-pegawai Kerajaan, Perintah Am ada memperuntukkan hari Thaipusam ialah satu hari yang mana pegawai-pegawai yang beragama Hindu yang ingin merayakan boleh mengambil cuti tidak bercatat. Bagi pegawai-pegawai lain, mereka boleh mengambil cuti biasa.

ADUAN ORANG RAMAI

54. Tuan Chian Heng Kai minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau akan mengarah setiap Kementerian melayan aduan-aduan yang dibuat oleh orang ramai dengan segera selaras dengan seruan beliau iaitu Kerajaan beliau adalah "Action-oriented".

Perdana Menteri: Memang sudah ada surat arahan yang telah dikeluarkan kepada semua Kementerian/Jabatan dan Badan-badan Berkanun pada tahun 1971 mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Arahan itu masih berkuatkuasa lagi dan bagi memastikan arahan itu adalah dipatuhi oleh semua yang berkenaan. Kerajaan telahpun menubuhkan Biro Pengaduan Awam pada 26 Julai, 1971. Di samping itu arahan mengenai cara melayani surat-surat, mahupun aduan-aduan atau lain-lain surat, adalah tertera dalam arahan Perkhidmatan, Bab Tiga, Bahagian 3, Perenggan 16 hingga 19.

Dengan adanya demikian, saya fikir tidaklah perlu dikeluarkan satu arahan yang lain mengenai perkara yang sama. Kerajaan sentiasa memberi perhatian berat dan mengawasi aduan-aduan yang dibuat oleh orang ramai dan tindakan-tindakan atas perkara ini berjalan terus-menerus.

PENCEN KEPADA PESARA—KELEWATAN

55. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar kakitangan-kakitangan Kerajaan yang telah bersara terlalu lambat dibayar pencen atau ganjaran mereka; jika ya, nyatakan langkah-langkah yang beliau akan ambil untuk mempercepatkan pembayaran.

Perdana Menteri: Semua pegawai Kerajaan yang bersara jika layak menerima pencen akan dibayar pencennya. Saya sedar ada kelewatan yang berlaku dalam setengah kes kerana memperoses kelayakan dan jumlah ganjaran dan pencen yang dilayaki seperti yang telah saya terangkan dalam jawapan saya kepada Ahli Yang Berhormat dari Silam dalam Dewan ini pada hari ini (31hb Mac, 1975). Langkah yang telah diambil untuk mempercepatkan pembayaran pencen jua telah diterangkan dalam Dewan ini pada 20-11-1974 apabila memberi jawapan kepada Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PERKHIDMATAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Cukai Perkhidmatan, 1975; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDAG ISURAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Insuran, 1963; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG HAKCIPTA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Hakcipta, 1969; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PENYELARASAN PERINDASTRIAN

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membuat peruntukan bagi menyelaras dan memajukan dengan teratur aktiviti-akti-

viti pengilangan di Malaysia; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG MEMPERBADANKAN MAJLIS DAYA PENGELUARAN NEGARA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta (Memperbadankan) Majlis Daya Pengeluaran Negara, 1966; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERHUBUNGAN PERINDASTRIAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Perhubungan Perindustrian, 1967; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN BERANAK DAN MATI (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Pendaftaran Beranak dan Mati, 1957; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH BUDAK-BUDAK (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Mahkamah Budak-budak, 1947, dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kebajikan Am; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG INSTITIUT
PIAWAIAN DAN PENYELIDIKAN
PERINDASTRIAN MALAYSIA
(PERBADANAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menubuhkan Institiut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia untuk menggantikan Institiut Piawaian Malaysia dan Institiut Negara bagi Penyelidikan Sains dan Perusahaan; bagi mengadakan peruntukan untuk memaju dan menjalankan penyelidikan perindustrian dan untuk menyediakan dan memajukan piawaian-piawaian bagi barang-barang, proses-proses, dan amalan-amalan; dan bagi mengadakan peruntukan untuk pekerja-pekerja yang bersampingan atau berkaitan dengan maksud-maksud itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBADANAN KEMAJUAN
PELANCUNGAN MALAYSIA
(PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia, 1972, dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
PERUBATAN (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Perubatan, 1971; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kesihatan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
PEGAWAI-PEGAWAI ANAK NEGERI
(ELAUN DAN GANJARAN
PERSARAAN) (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Pegawai-pegawai Anak Negeri (Elaun dan Ganjaran Persaraan), 1963; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri; dibacakan

kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG JUALAN
MAKANAN DAN DADAH (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Jualan Makanan dan dadah, 1952; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kesihatan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
AHLI KIMIA**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk memperbadankan Institiut Kimia Malaysia dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubung dengannya dan lain-lain perkara yang bersampingan dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL-USUL

**PERNAS—PINJAMAN DIJADIKAN
PELABURAN KERAJAAN**

3.45 *ptg.*

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan bahawa jumlah sebanyak \$105 juta yang mulanya diperuntukan sebagai pinjaman-pinjaman tanpa faedah kepada PERNAS adalah diperuntukan semula dan dijadikan sebagai pelaburan Kerajaan dalam saham-saham PERNAS dan akan berkuatkuasa mulai tarikh ketetapan diluluskan oleh Lembaga PERNAS untuk menambahkan modal yang dibayar sebanyak \$105 juta

PERNAS telah ditubuhkan sebagai sebuah syarikat awam berhad di bawah Akta Syarikat-syarikat, 1965, pada 29hb November, 1969. Modal yang dibenarkan bagi syarikat ini ialah \$50 juta, yang dibahagikan kepada saham-saham yang bernilai \$1 tiap-tiap satu. keluaran saham ini terhad kepada Kerajaan Persekutuan atau Negeri, atau mana-mana

perbadanan atau pihak berkuasa yang diperbadankan atau ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang Persekutuan atau Negeri atau Bumiputra atau Syarikat-syarikat Bumiputra. "Memorandum and Articles of Association"-nya menyatakan objektif-objektif syarikat ini, antara lainnya ialah untuk melaksanakan perniagaan-perniagaan perkilangan, impot, eksport, saudagar-saudagar, am, pekapal-pek kapal, pedagang-pedagang, ejen-ejen suruhanjaya dan ejen-ejen pengilang, insuran, sebuah syarikat pelaburan dan sebuah bank, meminjam dan menjamin pinjaman-pinjaman, menjalankan perusahaan pengeluaran punca-punca keluaran asli termasuk bahan-bahan galian dan hasil-hasil kehutanan, menubuh dan memajukan mana-mana syarikat atau syarikat-syarikat dan membentuk, mengurusi atau melanggan kepada mana-mana sindikit. Untuk mencapai objektif-objektif ini perhatian utama adalah diberikan kepada penyertaan Bumiputra.

Jumlah modal yang dibayar bagi syarikat ini ialah \$11,250,000 yang mana \$5 juta daripadanya dibayar oleh Kerajaan Persekutuan. Lain-lain pemegang saham ialah Bank Bumiputra, Bank Negara, Tabung Haji dan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perak, Selangor dan Pahang.

PERNAS telah diberikan pinjaman-pinjaman oleh Perbendaharaan berjumlah \$155 juta yang mana \$105 juta daripadanya adalah pinjaman-pinjaman tanpa faedah dan bakinya sebanyak \$50 juta adalah pinjaman-pinjaman yang dikenakan faedah. Hanya pinjaman-pinjaman tanpa faedah yang berjumlah \$105 juta akan ditukarkan kepada ekuiti bagi sebab-sebab yang berikut:

- (a) Dari segi bentuk dan kontek kegiatan perniagaan dan perindustrian PERNAS, penggunaan pinjaman-pinjaman Kerajaan yang banyak sebagai sumber kewangan adalah tidak bersesuaian langsung dan tidak menggambarkan imej antarabangsa yang baik;
- (b) PERNAS sebagai sebuah ejensi Kerajaan yang akan meluaskan lagi perhubungannya dengan ejensi-ejensi antarabangsa, perlu dijadikan sebagai sebuah syarikat yang mempunyai nisbah yang baik di atas Kumpulanwang pemegang-pemegang saham kepada

jumlah pelaburan-pelaburan untuk menjadikan ianya lebih menarik lagi; dan

- (c) Kerajaan akan mempunyai kawalan yang lebih kuat ke atas PERNAS dan Kerajaan juga boleh menerima dividen, sekarang ini Kerajaan tidak mendapat apa-apa pulangan dari pinjaman ini kepada PERNAS.

Pada masa sekarang PERNAS sedang mempergiatkan rancangan-rancangan dalam bidang pembinaan, kejuruteraan, perlombongan, harta-harta dan sekuriti, insuran dan perniagaan. Pertambahan jumlah penyertaan ekuiti Kerajaan di dalam PERNAS ini adalah untuk membolehkan PERNAS berkembang dengan lebih pesat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Tanah dan Galian (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.55 ptg.

Dr Tan Chee Khoon (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bercakap sepatah dua atas usul yang dikemukakan oleh Timbalan Menteri Kewangan dan di samping saya berucap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin berucap dalam bahasa Inggeris juga.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya hendak membantah atas kelewatan kertas-kertas yang dikirim kepada semua Ahli Dewan Rakyat ini. Saya berpendapat bahawa semua Ahli Dewan Rakyat ini sehingga masuk ke Dewan ini pun belum dapat Order Paper, dan sehingga sekarang saya ada membaca dalam surat khabar *New Straits Times* pada hari Sabtu.

Tuan Yang di-Pertua: Perkara itu tak bersangkutan dengan debate. Saya ingat kalau Ahli Yang Berhormat hendak bercakap tentang perkara itu, hendaklah di sentuh pada perkara lain.

Dr Tan Chee Khoon: Sedikit sahaja tentang kelewatan kertas yang dikirim kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Saya bersetuju bahawa kertas lewat diberi pada kali ini. Saya harap Ahli Yang Berhormat boleh menyentuh pada ketika lain atau hantar surat kepada saya atau apa cara. Kita pendekkan sahaja perkara ini, dan hendaklah ditujukan kepada issue di hadapan kita ini.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya berharap di masa akan datang bukan sahaja pentadbiran Dewan Rakyat, tetapi saya berpendapat bahawa kesalahan ini timbul bukan di sini, tetapi di dalam Kementerian-kementerian yang berkenaan yang tidak mengirim kertas-kertas itu. Adalah diharapkan bahawa Kementerian yang berkenaan boleh mengirimkannya kepada pentadbiran Dewan Rakyat dengan segera dan kita boleh dapat kertas-kertas yang akan dibentangkan di dalam Dewan ini dan Ahli-ahli boleh baca sebelum mereka datang ke sini.

Tuan Yang di-Pertua, atas usul yang dikemukakan oleh Timbalan Menteri Kewangan, saya dan Partai saya, Pekemas adalah bersetuju dengan penuhnya peruntukan ini sebanyak \$105 juta, tetapi saya ingin hendak menyentuh tentang beberapa perkara yang timbul daripada Usul ini. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan telah menyebutkan tentang tujuan PERNAS yang akan menggalakkan bumiputra untuk mengambil bahagian (participation) dalam perdagangan dan perindustrian dan atas tujuan itu peruntukan ini dikatakan perlu. Ini memang saya bersetuju sepenuhnya. Tetapi, maksud penubuhan PERNAS, FAMA dan sebagainya adalah supaya kita boleh menyusun semula masyarakat, restructuring of society, redistribution of wealth supaya kita boleh menghapuskan kemiskinan.

(Dengan izin) And we can narrow the gap between the "haves" and the "have nots" not only as between one community and another in this country, but within that community itself, Mr Speaker, Sir. As I shall presently show, the inequality in income distribution within the various communities in this country is very frightening. I say, Mr Speaker, Sir, that the gap has not been bridged; on the contrary, from available data, the gap has been widened, and the Government should seek steps to ensure that

this gap does not widen more but that the gap should be drastically reduced so that we may not have more disturbances in future.

Mr Speaker, Sir, during the debate on the King's Speech I had highlighted the gap between the various households in this country, and I shall not go into what I had stated during the debate on the King's Speech. I say that some of the measures taken by the Government in order to restructure society, to redistribute income in this country, have benefited the privileged few and have not benefited the vast majority of the people of this country.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua mempergunakan Mesyuarat)

Mr Speaker, Sir, we all know that poverty is mainly in the rural areas and that 75.1% of the households in this country are in the rural areas and they belong to the sector of what is generally known as agriculture and agricultural products. Whilst I fully support the Government in giving the Bumiputras a stake in industry and a stake in trade, we must remember that if we want to eradicate poverty, poverty does not lie in the urban areas and that poverty lies in the rural areas; and unless and until you eradicate poverty in the rural areas, you are not going to redistribute income, you are not going to get rid of poverty in this country.

Mr Speaker, Sir, I have here with me a Paper which was recently read at the Economic Convention that took place just last week. This is a Paper on Income Distribution—Issues and Policies in Malaysia—a review by Mr R. Thillainathan of the Faculty of Economics and Administration in the University of Malaya and this Paper itself is based mainly on a study conducted by a person known as S. Anand who wrote on the Distribution of Income in Malaysia when he came to this country in 1973 on behalf of the World Bank. I shall quote very briefly, Mr Speaker, Sir, on some of the very interesting aspects of income distribution that Mr Thillainathan has highlighted. He says, and I quote,

"On the other hand, the creation of a Malay commercial and industrial community through a programme of public ownership and favoured treatment in the allocation of licences, timber concessions,

mineral leases etc. or through cheap credit protectionist policies etc., is not likely to bring about a more equitable distribution of wealth as such. For instance, even if the 30% of the wealth in the modern sector is owned by the Malays by 1990—and in any case it does not appear to be a feasible proposition—it will most certainly be concentrated in the hands of a few Malays. Thus, there may be less racial imbalance in wealth ownership but more inequality in the sense in which we are given to understand the term, and strictly on economic grounds it is not known whether these commercial and industrial enterprises will be as viable as some of the agricultural activities we have referred to above”.

Mr Thillainathan goes on to talk about the inequality of distribution of income in this country and with your permission, Mr Speaker, Sir, I shall again quote very briefly from this very valuable Paper. He says—

“All the available statistical measures on inequality show that inequality is not only a serious problem in Malaysian society as a whole but that it is also acute within each racial group. In fact, from these statistics, it appears that the inequality is most rampant amongst the Malays and it has risen more dramatically amongst them than amongst the non-Malays over the period 1957 to 1970. In a pioneering and extremely important work on the composition of inequality, S. Anand has demonstrated that of the total income inequality in Malaysia, very little is explained by purely inter-racial differences in income as measured by differences in per capita income between the races and that the personal income differences as measured by differences in income between persons within each racial group account for much of the inequality in this country.”

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Panjang sangat Ahli Yang Berhormat membaca daripada buku itu.

Dr Tan Chee Khoon: Ini daripada kertas yang dikarang oleh R. Thillainathan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Walau siapa pun pengarangnya, bagi menyelamatkan waktu Dewan ini, baca yang penting sahaja.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya baca kertas ini oleh sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan berkehendakkan \$105 juta diluluskan dalam Dewan ini dan tujuan peruntukan itu, antaranya, Kerajaan hendak menghapuskan kemiskinan dan meninggikan taraf kehidupan bumiputra. Oleh sebab itu, izinkan saya sebutkan sedikit tentang inequality in distribution, bukan antara satu kaum dengan kaum yang lain tetapi di dalam satu kaum itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Quotation itu sudah cukup?

Dr Tan Chee Khoon: Tidak, Tuan Yang di-Pertua, ada sedikit lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sedikit lagi, berapa panjang?

Dr Tan Chee Khoon: This study shows that

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Nanti! Berapa panjang. Sedikit itu berapa paragraph lagi?

Dr Tan Chee Khoon: Barangkali 4-5 minit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau mengikut kelajuan Ahli Yang Berhormat itu membaca mahu memakan satu muka.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, ini penting. Apa yang saya akan sebutkan sangat penting terhadap penghapusan kemiskinan, khasnya antara kaum bumiputra di tanahair kita.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya bersetuju itu penting, tetapi cuba baca sedikit satu paragraph yang penting sekali.

Dr Tan Chee Khoon: Ya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau sebut sahaja buku mana, nanti Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh membacanya.

Dr Tan Chee Khoon: Boleh, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Baik.

Dr Tan Chee Khoon: I shall continue the quotation, Sir,

“In so far as the Malays go, the top 20% of the population within this group received 42.4% of the income and the bottom 40% received 19.5% of the total income in 1957. The corresponding figures for 1970 are 52.5% and 12.7% respectively.”

Ini bermakna, Tuan Yang di-Pertua, between 1957, the year of Merdeka, and 1970 the income both in terms of percentages and in terms of absolute figures not only amongst the various racial groups in this country, but especially so amongst the Malays, has widened rather than narrowed and this is the purpose for which the Honourable Deputy Minister comes to this House to seek \$105 million for PERNAS for a purpose which I fully agree, that is, among other things, to give the bumiputra a stake in trade and industry and to eradicate poverty amongst the bumiputras.

With your permission, Sir, I shall quote a little on this gap amongst the Chinese.

“As regards the Chinese the top 20% received 45.8% and the bottom 40% received 18.1% of the total income in 1957. The corresponding figures were 52.6% and 13.9% respectively in 1970.”

Now, Mr Speaker, Sir, it would seem that among the Chinese also the gap has widened, but the gap has not widened that drastically as amongst the bumiputras.

“For the Indians, the figures for the two end groups were 43.5% and 19.7% in 1957 and 54.2% and 14.3% in 1970.”

Mr Speaker, Sir, this shows that the various programmes that have been drawn up by the Government, whether in the First Malaysia Plan or in the Second Malaysia Plan or in the previous Five-Year Plans, and by the various other statutory bodies like FAMA, FIMA and the rest, have not made the impact that they had been expected to make, i.e. to reduce poverty, particularly poverty amongst the rural Malays—that is where poverty lies in this country—and narrow the gap between the “haves” and the “have-nots” not only between one community and the other, but within that community itself.

This, of course, poses a number of problems, but I will agree that post-1970 there may be changes in the income distribution. However, the available data, not only to me but to the public, are the figures that I have quoted. No doubt, the Government would say that post-1970 the picture might have been changed drastically. I do hope that the Honourable Deputy Minister or the Department of Statistics can come out with figures that can show that the income distribution in this country has drastically changed. If there are, I, for one, will read them with great interest and shall study them with great diligence.

Mr Speaker, Sir, we do know that much of the shares that have been allocated to the bumiputras have not been taken up, despite the establishment of PERNAS and the like. I have in this House high-lighted this matter, and today we are told that the shares that have not been taken up by the bumiputras amount to no less than half a billion dollars. I want to ask the Honourable Deputy Minister of Finance what steps have the Government taken to see that these shares that have been allocated to the bumiputras are taken up by the bumiputras because they are of no use either to the bumiputras or to the industries if these shares are locked up and not made use of by the bumiputras and the companies that have these shares cannot use them because they are not taken up by the bumiputras. For example, I want to ask the Honourable Deputy Minister of Finance this. We are told that there is a register of potential investors amongst the bumiputras so that they can take up these half-billion dollars worth of shares. I want to ask the Honourable Deputy Minister whether active steps have been promoted by the Government in order to help the bumiputras who now have money—for example, amongst the FELDA settlers and amongst, perhaps, the rice farmers. Although it is a debatable point whether rice farmers in this country have really benefited from the so-called prevailing prosperity amongst the rice farmers because, although I agree that the price of padi has gone up and therefore ostensibly the income of the rice farmers has increased, but we must remember that their inputs have also correspondingly increased—the chemicals that they use and the fertilisers that they use have also increased tremendously—and even having drawn up a balance sheet and if there

is a profit, we must remember that in these days of rampant inflation whatever increase they might have made may all be wiped off by the inflation that is now prevailing not only in this country but elsewhere as well. So, that is a debatable point whether the rice farmers in this country really have any real savings. But whatever it is, I want to ask the Honourable Deputy Minister what steps the Government has taken to see that the bumiputras who have savings do not spend them on luxury items like refrigerators, televisions and the like, although I think these are valuable items in any household. But, more important, what steps has the Government taken to go to the bumiputras who have savings to persuade them to buy shares that are available to them so that they really can have a stake in trade and industry in this country. I for one shall listen very carefully if the Honourable Deputy Minister can enlighten this House as to what steps the Government has taken in this manner, so that the half-a-billion dollars in shares that have been allocated to the bumiputras are taken up by them and not locked up.

In conclusion, Mr Speaker, Sir, the first quarter of the year has passed and very soon the year will come to an end and we will be launching a Third Malaysian Plan and the Government should seriously study the structure of all these statutory bodies to see that these statutory bodies really perform their tasks, really eradicate poverty especially amongst the bumiputras, because it has been shown in this Paper and in Mr Anand's Paper that about 85% of rural poverty is poverty amongst the bumiputras and, if this is so, then what steps have all these statutory bodies taken to eradicate poverty where it is. This Paper, as indeed also Mr Anand's Paper, also postulates that one should eradicate poverty not along racial lines, but along class lines—that is, poverty knows no racial barriers. The trishaw rider who gets \$2 per day is just as poor as the rice farmer who gets maybe less than \$2 per day, and the Paper itself talks about lots of households in this country getting \$25 per household per month and there are some below the poverty line, which is \$15 per household per month. These are very terrifying thoughts, Mr Speaker, Sir, and unless the Government takes very active steps to eradicate poverty, I predict there will be serious troubles in this country.

4.18 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong di atas cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan bagi memperuntukkan PERNAS sebanyak \$105 juta bagi menjalankan aktiviti-aktivitinya.

Tuan Yang di-Pertua, kita dalam memberi peruntukan bagi PERNAS ini adalah bagi maksud penyertaan badan ini dalam beberapa lapangan yang dirangkai mengikut yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sekejap tadi. Saya ingin menimbulkan sedikit berkenaan dengan PERNAS ini, pertama saya nampak sebahagian daripada badan-badan perniagaan PERNAS menjalankan urusan-urusan perniagaannya kurang memuaskan. Kita dapat tahu bahawa sebahagian daripada perniagaannya itu tidak begitu rancak dan tidak begitu maju, sebab perlawanan-perlawanan yang ada di dalam negara ini. Kadangkadang barang yang dipunyai oleh PERNAS lebih payah untuk kita dapati dengan yang dipunyai oleh badan perniagaan lain dari segi kalangan swasta.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya ingin sebutkan ialah nampaknya sebahagian daripada badan perniagaan PERNAS ini selalu rugi dalam menjalankan kerjanya. Perkara yang semacam ini saya kurang senang melihatnya dan perkara yang lain pula saya nampak PERNAS dalam menjalankan kerjanya lebih banyak macam Jabatan Kerajaan. Dia tidak merupakan satu badan ataupun satu syarikat yang aktif sebagai syarikat perniagaan kalau kita bandingkan dengan syarikat-syarikat perniagaan di kalangan swasta.

Perkara yang semacam inilah yang saya ingin timbulkan dan saya harap Yang Berhormat Menteri Kewangan yang bertanggungjawab dalam PERNAS akan dapat mengambil perhatian dalam hal ini dan mengadakan penyelidikan yang lebih mendalam agar perkara-perkara yang saya sebutkan begitu tidak terjadi.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya timbulkan ialah sehingga hari ini nampaknya PERNAS tidak menggalakkan agen-agen samada bumiputra ataupun syarikat bumiputra. Seperti baharu-baharu ini PERNAS mengadakan ajennya, iaitu

PERNAS-EDAR; PERNAS sendiri, badannya sendiri. Saya harap pada masa akan datang cubalah melatih bumiputra menjadi agen-agen yang menjalankan ataupun membahagikan barang-barang PERNAS.

Saya ingin mengingatkan supaya biarlah PERNAS ini menjalankan kerjanya dengan lebih berkesan, agar dia benar-benar merupakan badan yang mengendalikan perniagaan dan yang diharap oleh bumiputra. Sekarang ini kita dapati PERNAS ada bermacam-macam badan, ahli-ahli perniagaan biasa tidak begitu gagah, tidak begitu kuat. Saya akui ada sebahagian daripada badan-badan PERNAS yang mengadakan perkongsian dengan syarikat-syarikat yang besar yang mendatangkan keuntungan—saya akui tetapi saya minta supaya bahagian-bahagian yang lain pun menjalankan aktiviti-aktiviti seperti itu dan menghasilkan faedah-faedah yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya PERNAS biarlah rapat dengan perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri (S.E.D.C.). Kadang-kadang kita kurang faham tentang peranan PERNAS dengan peranan S.E.D.C. Kita nampak S.E.D.C. buat itu juga, dan PERNAS buat itu juga. Sepatutnya mesti ada kerjasama. Kalau perkara itu boleh dijalankan oleh Perbadanan Ekonomi Negeri, PERNAS serahkan sahaja kepada Perbadanan Ekonomi Negeri, biar PERNAS mengambil bahagian lain. Saya misalkan, kalau Perbadanan Ekonomi Negeri boleh menjalankan kerja borong barang-barang, maka biarlah perkara ini dijalankan oleh S.E.D.C. Sekiranya S.E.D.C. tidak berupaya, baharulah diadakan perkongsian antara PERNAS dan S.E.D.C. ataupun biarlah S.E.D.C. menjalankan kerjanya sendiri, samada dia meminjam wang dan sebagainya dan PERNAS mengambil bahagian lain. Kalau dalam bahagian borong dipegang oleh S.E.D.C. biarlah PERNAS pegang bahagian lain, misalnya, bahagian agen motor, bahagian menjual spare-parts dan sebagainya, yang tidak ada dijalankan oleh S.E.D.C. dan orang bumiputra secara persendirian tidak dapat menjalankan kerja itu. Kita tidak mahu PERNAS ataupun badan-badan Kerajaan ini mengadakan perniagaan yang bumiputra boleh menjalankan kerja sendiri. Kalau sekiranya bumiputra sudah boleh kerja sendiri, biarlah PERNAS tolong sokong ataupun mengadakan perkongsian dengan bumiputra. Ini adalah pandangan saya untuk

kepentingan PERNAS dan bumiputra. Jika tidak, maka niat Kerajaan untuk penyertaan bumiputra tidak berjaya. Satu hal lain pula ialah orang yang bekerja dalam PERNAS nampaknya sebagai pekerja di Jabatan Kerajaan, bukan bekerja sebagai ahli perniagaan. Ini yang saya ingin sebutkan dan saya harap mendapat perhatian daripada Yang Berhormat Menteri dan pihak yang bertanggungjawab dalam PERNAS supaya dikaji dalam hal-hal yang saya sebutkan.

4.25 *ptg.*

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun berucap sedikit mengenai usul ini dan di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sangat mustahak untuk Kerajaan membuat satu kajian yang teliti mengenai progress dan kemajuan PERNAS untuk menentukan samada PERNAS telah membantu bumiputra-bumiputra miskin atau yang baharu mendapat keuntungan dan faedah segelintir bumiputra sahaja, oleh kerana kita boleh lihat dalam perjalanan PERNAS ada berlaku beberapa kejadian di mana orang umum, bumiputra, orang kecil, si miskin tidak ditolong, tetapi baharu segelintir orang sahaja yang sudah dapat bantuan.

Saya sebutkan satu contoh iaitu mengenai buku-buku teks. Saya dapat tahu bahawa ada satu peraturan di mana buku-buku teks untuk perpustakaan sekolah-sekolah semuanya dimonopoli oleh sebuah syarikat buku bumiputra, dan ini telah menimbulkan perasaan tidak puas hati bukan sahaja kedai-kedai buku bukan bumiputra, tetapi juga kedai-kedai dan syarikat-syarikat bumiputra. Kenapa semua buku-buku untuk perpustakaan di sekolah mesti dimonopoli dalam supply atau perbekalan oleh sebuah syarikat? Kenapa perbekalan ini tidak boleh dibahagikan kepada semua kedai-kedai atau syarikat-syarikat bumiputra di semua tempat mengikut harga-harga yang mereka boleh beri kepada sekolah-sekolah. Kalau sekiranya sebuah syarikat ada kuasa, ada hak membekal buku-buku baik pun bumiputra atau bukan bumiputra, monopoli tentu akan timbul dan harga-harga yang tidak berpatutan akan timbul. Itu sebagai satu contoh yang ditunjukkan dalam implementasi

program-program untuk menolong peniaga-peniaga bumiputra. Kerajaan tidak boleh membiarkan satu keadaan monopoli timbul.

(*Dengan izin*) This is important because otherwise, as I said, not only the non-bumiputras but even the generality of the bumiputra traders, small businessmen that they are, will feel disenchanting with the Government programme; and the Government programme of uplifting and raising the rate of participation of bumiputras in business and industry can definitely not be achieved in its true sense because you must make sure that this achievement is not brought about by the monopoly and dominance of a few bumiputras. In this connection, therefore, in asking for this additional \$105 million, I would call on the Government to conduct a study as to whether, up to date, the hundreds of millions of dollars of public funds that have been expended for the uplifting of bumiputra business and industrial participation, have really gone to the Malay masses, the Malay poor, and that it has not, in effect, only gone to raise a few new Malay rich, for this definitely will be rejected by the people and it is, in fact, happening. I call on the Government, therefore, to stop this before it becomes a very big, widespread and deep-rooted socio-economic disease.

4.30 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli bagi kawasan Kepong, Dungun dan Kota Melaka yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah menyentuh beberapa masalah mengenai "inequality of distribution of income." Saya suka mengingatkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian Kewangan dan Kerajaan jua sedar bahawa ada juga masalah-masalah yang dihadapi oleh Kerajaan berkaitan dengan distribution of income ataupun hasil-hasil negara yang patut diberi kepada semua rakyat. Saya sendiri hendak mengingatkan Ahli Yang Berhormat dari Kepong bahawa di dalam Laporan Ekonomi Perbendaharaan yang telah dibentangkan di dalam mesyuarat ini di waktu Yang Berhormat Menteri Kewangan mengemukakan Budget ataupun Belanjawan tahun, pihak Kementerian Kewangan ada menye-

butkan bahawa inilah satu masalah yang besar yang patut dihadapi oleh Kerajaan. Apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi bukanlah satu perkara yang baharu dan suka juga saya menerangkan di sini bahawa sewaktu saya berada di Washington pada bulan Januari tahun ini, saya dapat peluang berjumpa dengan Presiden Bank Dunia, Tuan McNamara, dan saya sendiri meminta supaya Bank Dunia ini menghantar satu rombongan pakar-pakar supaya mengkaji masalah ini. Apabila Ahli Yang Berhormat dari Kepong memberitahu Dewan bahawa ini adalah satu Laporan Bank Dunia, ini bukanlah satu perkara yang saya tidak tahu, oleh kerana laporan siasatan oleh pakar-pakar daripada Bank Dunia ialah atas permintaan Kementerian Kewangan dan atas permintaan saya sendiri. Laporan itu akan dikemukakan kepada Kerajaan supaya Kerajaan boleh membuat rancangan-rancangan baharu dengan kesedaran dan pengetahuan telitinya apakah masalah-masalah yang berkenaan. Walaupun Ahli Yang Berhormat itu telah menunjukkan kepada saya beberapa laporan atau kertas kerja yang telah dibangkitkan atau dikemukakan oleh beberapa ahli economists dalam convention yang baharu, mereka mendapat butir-butir itu daripada beberapa laporan Kerajaan. Walau bagaimanapun, saya ucapkan terima kasih juga kepada Ahli Yang Berhormat itu oleh kerana beliau telah menyokong usul-usul saya supaya peruntukan wang ini akan diberikan kepada PERNAS bukan sebagai pinjaman wang tetapi sebagai equity.

Saya juga sedar dan Kerajaan sedar bahawa PERNAS sebagai satu syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta-akta Syarikat adalah bebas untuk menjalankan perniagaan di dalam negara ini dan juga di peringkat antarabangsa. Alasan-alasan dan teguran-teguran yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kepong dan Dungun, saya akan sampaikan kepada Pengerusi PERNAS supaya beliau bolehlah mengambil perhatian atas apa-apa ulasan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Dungun.

Mengenai pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari kawasan Kepong samada pihak bumiputra sudah mengambil-alih ataupun membeli saham-saham yang tertentu yang telah disimpan oleh beberapa buah syarikat untuk sektor bumiputra, Ahli Yang Berhormat dari kawasan Kepong juga mestilah

sedar bahawa ini adalah satu perkara yang akan, telah dan sedang dikaji oleh bahagian yang tertentu di Kementerian Perdagangan. Walaupun beliau menyatakan ada saham-saham yang tidak dapat dibeli pada masa ini, ini juga adalah satu perkara, satu kesulitan atau masaalah yang Kerajaan sedar dan akan mengambil langkah untuk mengatasinya. Samada betul atau tidak PERNAS cuma menjayakan segolongan bumiputra yang kecil dan tidak memberi faedah kepada seluruh rakyat, khasnya rakyat bumiputra ialah satu pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat. Satu perkara yang saya boleh terangkan di sini ialah PERNAS sebagai sebuah syarikat adalah bertujuan untuk mencapai objektif-objektif di dalam Memorandum and Articles of Association dan sebagai satu syarikat antarabangsa, syarikat ini mesti juga menjalankan perniagaan dengan apa-apa juga tenaga dan pengurusan yang mereka boleh mengadakan.

Oleh kerana nampaknya semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian di dalam perbahasan ini telah menyokong Usul saya, maka tidak payahlah bagi saya memberi ulasan atas beberapa teguran yang lain oleh kerana ini berkaitan dengan tugas-tugas PERNAS dan saya akan menyampaikan ulasan-ulasan itu kepada pihak yang berkenaan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan bahawa jumlah sebanyak \$105 juta yang mulanya diperuntukkan sebagai pinjaman-pinjaman tanpa faedah kepada PERNAS adalah diperuntukkan semula dan dijadikan sebagai pelaburan Kerajaan dalam saham-saham PERNAS dan akan berkuatkuasa mulai tarikh ketetapan diluluskan oleh Lembaga PERNAS untuk menambahkan modal yang dibayar sebanyak \$105 juta.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 19), 1974

4.40 *ptg.*

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam

Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 19), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 13 tahun 1975 disahkan.

Perintah ini adalah bertujuan untuk:

- (a) menghapuskan duti impot sebanyak \$38 segelen ke atas "gasket shellac compound" di bawah Kepala Tariff No. 32.12 100. Duti ini dikenakan pada mula-mulanya untuk memberi perlindungan kepada perusahaan tempatan. Tetapi telah didapati bahawa Syarikat pengeluarannya telah memberhentikan pengeluarannya.
- (b) mengenakan duti "ad valorem" sebanyak 10% di samping mengekalkan duti "specific" sebanyak 10 sen tiap-tiap satu, yang mana lebih tinggi ke atas "bolts hasps and hinges" di bawah Kepala Tariff No. 83.02 100. Ini adalah cukai perlindungan untuk membantu perusahaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 19), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 13 tahun 1975 disahkan.

AKTA CUKAI PERKHIDMATAN, 1975

Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai), 1975

4.44 *ptg.*

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (3) dalam seksyen 5 Akta Cukai Perkhidmatan 1975, Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai), 1975 yang telah dibentangkan di

hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 14 tahun 1975 disahkan.

Tujuan Perintah ini ialah untuk melaksanakan cukai perkhidmatan pada kadar 5% sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dalam Ucapan Belanjawannya pada 12hb November, 1974.

Cukai ini pada mulanya dijadualkan untuk berkuatkuasa mulai pada 1hb Februari, 1975. Walau bagaimanapun, berikutan dengan rayuan yang diterima daripada orangramai, khasnya pengurus-pengurus rumah tumpangan supaya perlaksanaannya ditangguhkan untuk membolehkan mereka memahami sepenuhnya cara, bidang dan perlaksanaan cukai dan juga peraturan-peraturan yang hendak dipatuhi, maka tarikh perlaksanaan cukai ini telah ditangguhkan kepada 1hb Mac, 1975.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen-kecil (3) dalam seksyen 5 Akta Cukai Perkhidmatan, 1975, Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai), 1975 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 14 tahun 1975 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang)
(Pindaan) (No. 9), 1974

4.46 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 9), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 15 tahun 1975 disahkan.

Perintah ini mempunyai tujuan yang sama dengan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 19), 1974 yang baru sahaja diluluskan oleh Majlis ini tadi, melainkan ianya dikenakan ke Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 9), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 15 tahun 1975 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan), 1975
4.48 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan), 1975 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 16 tahun 1975 disahkan.

Perintah ini adalah bertujuan untuk:

- (a) Mengadakan No. Kepala Tarif baru iaitu 20.02 110 dan 20.02 300 bagi "tomato puree" dan menghapuskan duti impot sebanyak 25% atau \$10 setan ke atas "tomato puree" di bawah Kepala Tarif tersebut. Ini adalah disebabkan bahawa pengeluaran "tomato" tempatan masih lagi tidak mencukupi untuk mengadakan perusahaan membuat "tomato puree" dan dengan itu perusahaan mengetin makanan yang menggunakan "tomato puree" tidak lagi dibebankan dengan duti ini.

(b) Mengadakan No. Kepala Tarif baru iaitu 84.06 292 dan 84.06 392 bagi "pistons" dan "cylinder liners" dan mengenakan duti impot sebanyak 10% "ad valorem" ke atas "pistons" dan "cylinder liners" tersebut. Ini adalah suatu langkah perlindungan untuk membantu perusahaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan), 1975 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 16 tahun 1975 disahkan.

AKTA KASTAM 1967

**Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang)
(Pindaan), 1975**

4.50 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) 1975 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 17 Tahun 1975 disahkan.

Tujuan Perintah ini adalah serupa dengan tujuan-tujuan Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1975 yang baru sahaja diluluskan oleh Majlis ini, melainkan ianya dikenakan ke Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) 1975 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 17 Tahun 1975 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2), 1975

4.53 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) 1975 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 18 Tahun 1975 disahkan.

Perintah ini adalah bertujuan untuk:

- (a) mengadakan No. Kepala Tarif baru iaitu 84.19.100 bagi kertas "labels" yang berlapis dan mengenakan duti impot sebanyak 25% *ad valorem* atau 8 sen sekaki persegi, yang mana lebih tinggi ke atas Kertas label tersebut;
- (b) mengenakan duti impot sebanyak 10% "*ad valorem*" ke atas "boilers" di bawah Kepala Tarif No. 84.01.100; dan
- (c) mengenakan duti impot sebanyak 35% "*ad valorem*" ke atas "starters" atau "contractors" untuk motor letrik di bawah Kepala Tarif No. 85.19.110 dan 85.19.190.

Duti-duti yang dikenakan ini adalah merupakan cukai perlindungan untuk membantu perusahaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) 1975 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. St. 18 tahun 1975 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 2), 1975

4.57 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 2) 1975 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 19 Tahun 1975 disahkan.

Tujuan Perintah ini adalah serupa dengan tujuan-tujuan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) 1975 yang baru sahaja diluluskan oleh Majlis ini, melainkan ianya dikenakan ke Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 2) 1975 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 19 Tahun 1975 disahkan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Majlis ini ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 1hb April, 1975.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.00 petang.